



ARKIB BERITA

2020

ISI KANDUNGAN :

Siri	Tajuk	Muka surat
1.	11 Warga MPA Timur Terima Kenaikan Pangkat	7
2.	20 Warga Navy People Kini Bergelar Submariner TLDM	8-9
3.	26 Anggota Lain-Lain Pangkat Terima Kenaikan Pangkat	10
4.	3 Anggota PWTL Dan PSTL Kuching Dinaikkan Pangkat	11
5.	96 Hat Anjur Kursus Samudera Medik Siri 1-20	12-13
6.	A Crowning Achievement - Kept Ir. Sukhdev Singh Al Khazan Singh TLDM (Bersara)	14-15
7.	Admiral On Deck Ketua Jurutera TLDM Dengan Para Teknisyen Graduan Diploma, Skim Diploma Tugas Khusus (DTK)	16-17
8.	Amalan Green Navy 5 Dalam 1 KD SRI Semporna	18-19
9.	Angan-Angan Mat Jenin Di Dalam Mimpi Menjadi Kenyataan - Obsolescence Programme (OP) KD Perkasa	20-21
10.	Armada Markas Wilayah Laut 2 Laksana Sandakan Readiness Exercise (SREX) Secara Berterusan	22-23
11.	Audit Kesiapsiagaan Pasukan Simpanan Tentera Laut Kuching 2020	24-25
12.	Bahagian Materiel Markas Tentera Laut Dekati Warga Stesen Jarak TLDM	26-27
13.	Balu Arwah BK PAP (GI) (PKL) Nazari Terima Kunjungan Dan Sumbangan	28
14.	Bengkel Penetapan Kursus TLDM (Hrmis) Siri 120	29
15.	Bersukan Sambil Beriadah	30-31
16.	Chief Of Navy - Two Years In Office	32-33
17.	DSAT Pamer Penghargaan Dengan Meraikan Anggota Bertukar Keluar	34
18.	Engineering Working Group (EWG) Antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Dan Universiti-Universiti Tempatan	35-36
19.	Hari Inovasi Depot Senggara Armada Timur	37
20.	House In Order Initiatives - Kept Ir. Hj Ahmad Fahmi Bin Jahaya TLDM	38-39
21.	Inisiatif Pelaksanaan Facility Management Bagi Fasilitas Kapal Selam Secara Performance-Based Contract	40-41
22.	Inisiatif Trilateral Maritime Patrol (TMP) Antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Bersama Tentera Laut Filipina (TLF) Diteruskan	42-43
23.	KD SRI Johor Laksana Rondaan Tmp Siri 5-20 Bersama Kapal Tentera Laut Filipina	44-45
24.	KD SRI Semporna Rai Sambutan Pentauliahahan Ke-15	46-47
25.	KD Todak Terima Pegawai Memerintah Baharu	48-49
26.	Kejayaan Program Pasang Pulih (REFIT) Kapal TLDM Dan Hala Tuju Baharu	50-51
27.	Kejayaan Refit Dan Repowering KD Serang	52
28.	Kempen Tabung Pahlawan 2020 Dilancarkan	53
29.	Kerajaan Malaysia Terima Rigid Hull Inflatable Boat (RHIB) Kepada Di Pangkalan TLDM Lumut, Perak	54-55

30.	Kerjasama Malaysia - Filipina Terus Tingkatkan Keselamatan Esszone	56-57
31.	Kerjasama TLDM - TLDA Diperkukuh Melalui Navy To Navy Talks Ke-14	58
32.	Keunikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut (Mk TL) Mendapat Perhatian Pihak Auditor Dan Kerajaan	59-60
33.	Kunjungan Menteri Pertahanan Kedua Brunei Ke Mawilla 2 Perkukuh Hubungan Dua Hala	61-62
34.	Kursus Hrmis ATM Siri 3-2020 Zon Selatan	63
35.	Kursus Pengoperasian Dan Pengendalian Sistem Komunikasi Satelit X-Band	64-65
36.	Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan Bin Abdullah Serah Tugas Panglima Armada Barat	66
37.	Laksa Sazalee Shoib Kini Bergelar Timbalan Panglima Armada Timur	67
38.	Landskap Tumbuhan Hijau Cetusan Komuniti Penghuni Blok Kediaman Pegawai RkTLDM Lumut	68-69
39.	Lawatan Kebajikan Kebakaran Kediaman Anggota TLDM Di Sibu	70-71
40.	Lawatan Kerja Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan	72
41.	Lawatan Kerja Khas Ke Syarikat Man Malaysia Oleh Ketua Jurutera TLDM	73
42.	Lawatan Kerja Panglima Tentera Darat Bersempena Op Penawar Di Daerah Manjung	74-75
43.	Lawatan Kesedaran Ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Jelebu	76-77
44.	Lawatan Sambil Belajar Ke Plks Cetus Minat Warga Dsat Sertai Angkatan Kapal Selam	78-79
45.	Lawatan Ulung Menteri Pertahanan Ke Markas Tentera Laut	80
46.	Lawatan Ulung Panglima Armada Timur Ke Markas Wilayah Laut 2	81-82
47.	Lawatan Ulung Panglima Tentera Laut Ke Unit Pengawasan Senggara TLDM Timur Dan PSTL Labuan	83-84
48.	Majlis Meraikan Saudara Baru	85
49.	Majlis Pemakaian Pangkat Anggota PSTL Kuching	86
50.	Majlis Pemakaian Pangkat Dan Penghargaan Warga KD SRI Semporna	87
51.	Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Dan Anggota KD SRI Semporna	88-89
52.	Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai PSSTLDM	90-91
53.	Majlis Pemakaian Pangkat Warga Mawilla 1	92
54.	Majlis Perisytiharan Solat Jumaat Masjid An-Nur Pangkalan TLDM Lumut	93-94
55.	Majlis Ramah Mesra Warga Mawilla 1 Bersama Menteri Besar Pahang	95
56.	Majlis Request Pleasure Of Your Company (RPC) Bersama Ahli-Ahli Kelab Bintara Markas Tentera Laut	96
57.	Majlis Serah Terima Tugas Asisten Marsyal Provos	97-98

58.	Majlis Serah Terima Tugas Pangwilla 1	99
59.	Malacca Strait Patrol Exercise 2020	100-101
60.	Malaysia Prihatin KDSM People Zahir Semangat Kemerdekaan	102
61.	Markas Wilayah Laut 2 Terima Panglima Baharu	103-104
62.	Memperkasakan Performance Based Contract (PBC)	105-106
63.	Mesyuarat Agung Tahunan Bakat (L) KD SRI Semporna	107
64.	Mesyuarat Kajian Pembangunan Laluan Kerjaya Bagi Subject Matter Experts (SME) Cawangan Kejuruteraan	108
65.	Mesyuarat Pegawai Kanan Kejuruteraan - Cabaran Dan Pencapaian	109
67.	Mpa Barat Raikan Kenaikan Pangkat 11 Warga TLDM	110
68.	Mpa Barat Raikan Kenaikan Pangkat 25 Warga TLDM	111-112
69.	Op Rotan - Mengiringi Pflng Dua	113-114
70.	Panglima Angkatan Tentera Sempurnakan Majlis Penutup KKN 2020 Dan Serah Terima Tugas Presiden Puspahanas	115-116
71.	Panglima Tentera Laut Sempurnakan Pemakaian Pangkat Navy People	117
72.	Pegawai Kanan TLDM Mengharumkan Nama Malaysia	118-119
73.	Pegawai Muda TLDM Mencipta Sejarah - Satu Motivasi Kepada The Navy People	120-121
74.	Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching Laksana Kunjungan Hormat Ke Atas Ketua Jabatan Agensi Keselamatan Dan Persekutuan	122-123
75.	Pelaksanaan Condition Based Monitoring And Assessment Di Dalam TLDM	124-125
76.	Pemasangan Corcerntina Wire Di Taman Telipok Ria, Tuaran	126
77.	Pematuhan 3k (Kesihatan, Kesegakan Dan Kecergasan) – Aktiviti Uji Cergas Tahunan MkTL	127
78.	Pengambilan Teknisyen TLDM Dahulu Berbanding Sekarang Serta Cabaran	128-129
79.	Penghantaran Kumpulan Pertama Malbatt 850-8 Ke Lubnan	130-131
80.	Penghormatan Terakhir Buat Allahyarham KDr Mohamad Nizam	132-133
81.	Pengkisahan Sejarah KD SRI Perak	134-135
82.	Penyerahan Sumbangan Tabung Rayuan Hari Pahlawan	136

11 WARGA MPA TIMUR TERIMA KENAIKAN PANGKAT



Laksma Rusli melengkapkan pemakaian pangkat baharu kepada BK KOM Desha

TELUK SEPANGGAR, 12 Ogos – 11 Anggota Lain-lain Pangkat (LLP) TLDM telah diraikan dalam satu majlis yang ringkas bersempena kenaikan pangkat mereka. Timbalan Panglima Armada Timur, Laksamana Pertama Rusli bin Ahmad hadir mewakili Panglima Armada Timur bagi menyempurnakan upacara pemakaian pangkat tersebut.

Seramai tiga orang Pegawai Waren II telah dinaikkan pangkat ke Pegawai Waren I, seorang Bintara Kanan dinaikkan pangkat ke Pegawai Waren II, lima orang dinaikkan ke pangkat Bintara Kanan, seorang dinaikkan ke pangkat Bintara Muda dan seorang dinaikkan ke pangkat Laskar Kanan. Kenaikan pangkat ini merupakan satu pengiktirafan kepada Navy People dan turut menjadi bukti keprihatinan TLDM dalam memberi laluan kerjaya terbaik terhadap warganya yang komited dan mampu melaksanakan tanggungjawab sebaiknya.

Dalam ucapan beliau, Timbalan Panglima Armada Timur turut menzahirkan ucapan syabas dan tahniah serta mengingatkan anggota yang menerima kenaikan pangkat agar lebih berusaha memberikan komitmen dan bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan seiring kenaikan pangkat yang diberi. Beliau turut berharap agar warga MPA Timur terhindar dari segala gejala yang tidak sihat termasuklah penyalahgunaan dadah dan menegaskan bahawa tiada kompromi bagi mereka yang didapati bersalah walaupun tahun perkhidmatan bersama TLDM sudah di tahun matang.

Sumber : Pegawai Komunikasi Strategik MPA Timur

20 WARGA NAVY PEOPLE KINI BERGELAR SUBMARINER TLDM

Submariner TLDM yang baharu bergambar kenangan bersama Panglima Tentera Laut

TELUK SEPANGGAR, 7 Jul – 20 pelatih Kursus Kelayakan Kapal Selam Tahap 1 (KKKS 1) yang terdiri daripada 7 Pegawai dan 13 Anggota Lain-lain Pangkat kini layak menyemat Lencana Kepakaran Kapal Selam di dada apabila diiktiraf sebagai seorang ‘Submariner TLDM’ hari ini.

Majlis pemakaian lencana kepakaran eksklusif ini telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany dalam satu majlis di Auditorium Markas Pemerintahan Kapal Selam. Pemakaian lencana kepakaran kapal selam ini merupakan satu tradisi dan kebanggaan kepada semua yang bergelar ‘Submariner TLDM’.

Sebagai info tambahan, sehingga kini Pusat Latihan Kapal Selam yang telah ditubuhkan sejak 10 tahun lalu telah berjaya melahirkan seramai 276 orang warga Navy People yang berkemahiran serta mampu mengoperasikan kapal selam milik TLDM. Dengan matlamat melahirkan submariner yang kompeten dan bertaraf dunia, setiap pelatih perlu melalui beberapa fasa Latihan Teori selama 10 bulan di Pusat Latihan Kapal Selam. Seterusnya, setiap pelatih wajib menjalani Latihan Sambil Kerja selama 8 bulan di kapal selam TLDM sebelum diuji dan dinilai untuk diiktiraf layak untuk berkhidmat bersama Angkatan Kapal Selam.

Panglima Tentera Laut dalam ucapan beliau menyatakan ucapan tahniah kepada 20 pelatih yang telah menerima lencana tersebut selain turut berharap warga Angkatan Kapal Selam TLDM seluruhnya berterusan memberikan perkhidmatan terbaik demi kepentingan dan kedaulatan maritim negara. Beliau turut menyatakan hasrat agar pembangunan Angkatan Kapal Selam TLDM dapat diteruskan dengan teratur dan holistik agar setanding dengan angkatan kapal selam negara-negara yang jauh lebih maju dan berpengalaman.

Sumber : Pegawai Komunikasi Strategik MPA Timur

26 ANGGOTA LAIN-LAIN PANGKAT TERIMA KENAIKAN PANGKAT

Panglima Armada Timur memahat memori bersama 26 Anggota Lain-lain Pangkat yang menerima kenaikan pangkat

KOTA KINABALU, 18 Nov – Syabas dan tahniah buat kesemua warga yang telah menerima kenaikan pangkat hari ini. Majlis ringkas namun masih mematuhi ‘Standard Operating Procedure’ Kesihatan ini telah dihadiri oleh warga terlibat bersama kepimpinan tertinggi Markas Pemerintahan Armada Timur.

Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Dato’ Pahlawan Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah bersama Timbalan Panglima Armada Timur turut berbesar hati menyempurnakan pemakaian pangkat kepada warga terlibat. Dalam ucapan beliau, Panglima Armada Timur turut menyuntik semangat kesemua warga untuk terus berusaha dan memberikan khidmat bakti terbaik kepada perkhidmatan seiring dengan penghargaan yang diberikan.

Hari ini menyaksikan seramai 9 Anggota telah dinaikkan ke pangkat Pegawai Waran I dan Pegawai Waran II bermula tarikh kekananan 1 Nov yang lalu. Berkongsi tarikh kekananan yang sama, seramai 8 Anggota telah dinaikkan ke pangkat Bintara Kanan dan Bintara Muda. Manakala 9 Anggota lain turut menerima kenaikan pangkat ke Laskar Kanan hari ini. Kesemua warga terdiri daripada pelbagai tred dan kepakaran.

Tahniah dan syabas sekali lagi buat kesemua warga yang menerima kenaikan pangkat. Semoga terus maju jaya bersama TLDM!

Sumber : Bahagian Komunikasi Strategik MPA Timur

3 ANGGOTA PWTL DAN PSTL KUCHING DINAIKKAN PANGKAT



PWTL Kuching bersama anggota-anggota yang dinaikkan pangkat

KUCHING, 16 Nov – Majlis pemakaian pangkat anggota LLP PWTL dan PSTL Kuching telah berlangsung di ruang legar Pejabat PWTL Kuching dengan jayanya. Seramai 1 x anggota telah dinaikkan pangkat Bintara Kanan ke Pemangku Pegawai Waren II dan 2 x anggota LK I dinaikkan ke pangkat Pemangku Laskar Kanan. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Lt Mohd Ismail Bin Yakub TLDM selaku Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching.

Senarai anggota yang telah menerima kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Pemangku Pegawai Waren II HDI Gerard Raymond

Pemangku Laskar Kanan TMK Mohamad Fidaiy Bin Muhammad

Pemangku Laskar Kanan BDI Wan Mohamad Hasrul Hafifie Bin Wan Noriza

Majlis diteruskan dengan ucapan oleh Lt Mohd Ismail Bin Yakub TLDM. Dalam ucapan, beliau mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga yang telah dinaikkan pangkat. Beliau turut menyeru warganya agar terus berusaha dan bersama berganding bahu agar hasrat dan matlamat kepimpinan TLDM dapat dicapai.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : LK I TLS Muhamad Nurzharif bin Mat Saad

Foto : LK I TLS Muhamad Nurzharif bin Mat Saad

96 HAT ANJUR KURSUS SAMUDERA MEDIK SIRI 1-20

Demonstrasi. Peserta mempraktikkan pembelajaran sepanjang kursus

LUMUT, 20 Nov - Kursus Samudera Medik Siri 1/20 telah dilaksanakan bermula 9 November hingga 20 November 2020 bertempat di 96 Hospital Angkatan Tentera (96 HAT), Pangkalan TLDM Lumut. Kursus ini disertai seramai 30 orang peserta terdiri daripada Pegawai dan anggota LLP TLDM. Penglibatan penceramah dan penguji terdiri daripada Jurulatih INSAN serta dibantu oleh staf 96 HAT, Pangkalan TLDM Lumut.

Objektif yang ingin dicapai melalui kursus ini adalah melatih peserta mengenai teknik-teknik pertolongan cemas dan kemahiran mengendalikan kes-kes trauma dengan betul dan berkesan serta melatih peserta supaya mampu untuk memberi rawatan awal sebelum ketibaan staf perubatan apabila berlaku sesuatu kecemasan terutama di Kapal dan Unit. Selain itu, setiap peserta dilatih dengan Asas Pertolongan Cemas (First Aid) dalam bentuk Tactical Combat Casualty Care (TCCC), Kemahiran Praktikal Rawatan Semasa Pertempuran (Care Under Fire), Rawatan Taktikal Medan (Tactical Field Care) dan Rawatan Evakuasi Taktikal (Tactical Evaluation Care) setiap fasa di Medan tempur.

Majlis penutup telah dirasmikan oleh YBhg Laksamana Madya Dato' Muhamad Ridzwan bin Abdul Rahman, Panglima Armada Barat diiringi oleh YBhg Brigadier

Jeneral (Dr) Faizal bin Baharudin, Pegawai Memerintah 96 HAT. Demonstrasi juga turut dilakukan bagi mempraktikkan pembelajaran sewaktu di dalam kelas.

Majlis diserikan lagi dengan penyampaian hadiah kepada Penuntut Keseluruhan Terbaik dan Penuntut Akademik Terbaik. Sebagai tanda kenangan daripada Penuntut Kursus Samudera Medik penyerahan Batch daripada Ketua Penuntut kepada YBhg Brigadier Jeneral (Dr) Faizal bin Baharudin.

Semoga dengan adanya Kursus Samudera Medik dapat meningkatkan lagi kualiti kesiagaan serta perawatan bagi warga TLDM khususnya dan ATM amnya.

Sumber : 96 Hospital Angkatan Tentera Lumut

Artikel : Kpl Mohd Shahrizan bin Ahmad

Foto : Kpl Mohd Shahrizan bin Ahmad

A CROWNING ACHIEVEMENT - KEPT Ir. SUKHDEV SINGH AL KHAZAN SINGH TLDM (BERSARA)



Kept Ir. Sukhdev Singh a/l Khazan Singh TLDM (Bersara) adalah seorang veteran yang telah berkhidmat dari tahun 1974 sehingga 2002. Beliau melakar sejarah sebagai pegawai TLDM yang terawal memiliki ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama.

Pesara TLDM ini telah melanjutkan pengajian Kejuruteraan Elektrikal di Royal Navy Engineering College, Manadon, Plymouth, United Kingdom dari tahun 1977 hingga 1980 dan telah mendapat kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Elektrikal) Kelas Pertama. Pada tahun 1991, beliau telah melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana di Naval Post Graduate School, Monterey, California dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Sains (Operations Research).

Kept Ir. Sukhdev Singh TLDM (Bersara) juga berkelayakan Jurutera Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia dan juga Chartered Engineer daripada United Kingdom Engineering Council.

Antara pencapaian beliau di dalam perkhidmatan termasuk terpilih sebagai anggota perintis bagi pembangunan krew kapal selam pada tahun 1984. Beliau bersama 5 pegawai TLDM yang lain telah menjalani submarine familiarisation training di Sweden, Jerman dan United Kingdom.

Pada tahun 2000, Kept Ir. Sukhdev Singh TLDM (Bersara) yang suka membaca telah menghasilkan Buku Rujukan Laut (BRL) 100 iaitu Integrated Logistics Support (ILS). BRL ini adalah hasil pengajian beliau mengenai pendekatan ILS oleh Tentera Laut Diraja Australia. BRL 100 masih digunakan oleh TLDM sehingga kini sebagai bahan rujukan dasar untuk pelaksanaan ILS. Sebagai Pengarah ILS, beliau telah memainkan peranan penting bagi pelaksanaan metodologi ILS dalam semua perolehan aset TLDM seperti projek Helikopter Super Lynx, Patrol Vessel dan Kapal Selam.

Semasa memegang jawatan sebagai Pengarah IT TLDM, Kept Ir. Sukhdev Singh TLDM (Bersara) telah membangunkan konsep serta masterplan TLDMNet yang telah berjaya dilaksanakan dan mendapat pengiktirafan apabila merangkul Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) dalam kategori ICT pada tahun 2002. Pencapaian ini amat membanggakan kerana TLDM adalah pelopor pelaksanaan Teknologi Maklumat secara networking di Jabatan Kerajaan.

Selain kecemerlangan dalam kerjaya, bekas Putera Maktab Tentera Diraja itu merupakan seorang pemain hoki serta skuasy yang pernah mewakili Unit di kejohanan berpusat TLDM.

Kept Ir. Sukhdev Singh TLDM (Bersara) telah bersara daripada TLDM pada tahun 2002 dan kemudian berkhidmat di Boustead Heavy Industries Corp (BHIC) sehingga Mac tahun ini. Beliau telah memainkan peranan penting dalam penubuhan Syarikat Usahasama, Boustead DCNS Naval Corp (BDNC) untuk keperluan perkhidmatan senggaraan terhadap kapal selam Scorpene TLDM. Sebagai Pengarah BDNC, beliau telah memainkan peranan penting bagi Pemindahan Teknologi dan Pengetahuan dari pihak Perancis ke firma tempatan sehingga BDNC dapat berdikari dalam pelaksanaan kontrak In-Service Support serta Refit Kapal Selam.

Berdasarkan kejayaan, pencapaian dan sumbangan Kept (B) Ir. Sukhdev Singh TLDM, ianya amat membanggakan TLDM dan wajar dijadikan contoh serta inspirasi kepada warga Navy People.

Sumber : RMN Chief Engineer Office, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah

Foto : Sumber Manusia, Mk TL dan Laporan Tahunan BHIC 2018

ADMIRAL ON DECK KETUA JURUTERA TLDM DENGAN PARA TEKNISYEN GRADUAN DIPLOMA, SKIM DIPLOMA TUGAS KHUSUS (DTK)



Amanat Ketua Jurutera TLDM kepada Para Teknisyen Graduan Diploma, Skim DTK

LUMUT, 5 Okt – 51 teknisyen dalam skim Diploma Tugas Khusus pengambilan pertama dan kedua hari ini bertuah kerana dapat berjumpa dengan Ketua Jurutera TLDM, Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah.

Perjumpaan khas ini adalah untuk menyampaikan mesej daripada pengurusan tertinggi kejuruteraan TLDM. Di antaranya aspirasi, strategic guidance dan amanat, termasuk cabaran serta isu kompetensi. Mesej ini penting untuk difahami serta dijadikan panduan strategik oleh para teknisyen memandangkan mereka adalah tulang belakang Armada TLDM yang perlu memastikan kapal, pesawat udara serta peralatan di dalamnya sentiasa berada dalam up-keep yang terbaik dan tahap pengoperasian yang tinggi.

Sepanjang sesi Admiral on Deck tersebut, Ketua Jurutera TLDM memaklumkan bahawa para Teknisyen DTK mempunyai ruang dan peluang untuk terus maju di dalam TLDM, mahupun dalam industri marin negara, dengan syarat mereka mempunyai tahap disiplin yang tinggi.

Teknisyen yang layak serta berprestasi tinggi berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan atas tajaan TLDM di universiti tempatan. Pendekatan ini kelihatan sukar, namun tidak mustahil kerana ramai Teknisyen TLDM yang telah berjaya. Lebih membanggakan, sebahagian besar daripada mereka telah berjaya menjadi Jurutera Profesional (Ir.) yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Sebagai motivasi, Ketua Jurutera memberikan 10 contoh untuk dijadikan idola, empat (4) diantaranya; Laksamana Pertama Ir. Abdul Rashid bin Hussin, Kepten Ir. Malik bin Sulaiman TLDM, Kdr (B) Mohd Shah bin Parjo TLDM dan Lt Kdr (B) Ir. Ts. Yeo Cheng Kwan TLDM CEng Eur Ing CMgr.

Di penghujung sesi, Ketua Jurutera telah menghebahkan sekurang-kurangnya 22 inisiatif baharu Cawangan Kejuruteraan yang telah melonjakkan keupayaan Armada TLDM dengan ketara. Selain itu, para Teknisyen turut berpeluang untuk memajukan pandangan, idea baharu serta ketidakpuashatian sekiranya wujud kepada Ketua Jurutera TLDM.

Sumber : Mk TL, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah

AMALAN GREEN NAVY 5 DALAM 1 KD SRI SEMPORNA



Warga KDSM berjalan kaki menuju ke bangunan pentadbiran pasukan

SEMPORNA, 15 Apr – Sejalan dengan inisiatif yang telah digariskan oleh Pengurusan Tertinggi TLDM, KD SRI SEMPORNA (KDSM) telah melaksanakan Program Amalan Green Navy peringkat pasukan. Program pada kali ini telah melibatkan semua warga KDSM dan telah dibahagikan kepada 2 fasa pelaksanaan. Fasa-fasa ini dibahagikan kepada fasa pertama dan fasa kedua mengikut kepada tempoh dan durasi masa pelaksanaan.

Fasa pertama ini telah dimulakan mulai jam 7 pagi sehingga 6 petang manakala fasa kedua pula menyaksikan keseluruhan mengambil bahagian pada jam 9 malam sehingga jam 10 malam. Sepanjang program ini berlangsung, beberapa amalan telah berjaya dilaksanakan.

Fasa Pertama (0700H – 1800H)

1. Hari Tanpa Kenderaan Bermotor
2. Hari Tanpa Tembakau dan Rokok Elektronik
3. Hari Tanpa Plastik
4. Program Kitar Semula

Fasa Kedua pula diselarikan bersesuaian dengan inisiatif Earth Hour dimana keseluruhan pangkalan telah mematikan bekalan elektrik untuk tempoh 1 jam. Segala inisiatif dan amalan ini bertujuan membudayakan sikap cintakan alam dan sebagai langkah penjimatan elektrik. Pada masa yang sama juga, warga diperamati tetap mematuhi penjarakan sosial di dalam segala aktiviti yang telah dilaksanakan.

Secara umumnya, pasukan telah berjaya mengumpulkan 8Kg botol plastik, 40kg kotak kertas dan sebahagian bahan kitar semula lain di dalam pelaksanaan amalan ini. Secara kesimpulannya, objektif program berjaya dicapai dan berjaya meningkatkan kesedaran warga di dalam Pembudayaan Amalan Green Navy.

Sumber : Pejabat Perhubungan Raya – KD SRI SEMPORNA

Artikel : Lt Dya Ahmad Irfan Afif bin Azman PSSTLDM

Foto : LK PAP (PKL) Burhan bin Samsul

ANGAN-ANGAN MAT JENIN DI DALAM MIMPI MENJADI KENYATAAN - OBSOLESCENCE PROGRAMME (OP) KD PERKASA



KEMAMAN, 27 Nov – Setiausaha Bahagian (SUB) Perolehan KEMANTAH, Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman yang diiringi oleh Ketua Jurutera TLDM hari ini melaksanakan lawatan kerja ke KD PERKASA di Geliga Slipway Sdn Bhd, Kemaman, Terengganu. Lawatan ulung ini adalah untuk meninjau dengan lebih dekat Obsolescence Programme (OP) KD PERKASA. Ini kerana OP melakar sejarah sebagai program unik yang pertama kali dilaksanakan di rantau Asia bagi kapal perang mahu pun kapal dagang.

OP KD PERKASA merupakan salah satu inovasi TLDM yang terkini, dimana selenggaraan berjadual kapal dilaksana secara in-lieu seperti refit, tetapi menggunakan metodologi berbeza dari kelaziman. OP KD PERKASA melibatkan penggantian keseluruhan hull (re-hull) serta peralatan di dalamnya secara total, termasuk sistem kuasa gerak (propulsion) dan power generation. Hanya peralatan yang tidak usang akan di "salvage" dan dipasang semula di hull yang baharu.

Hasil tinjauan terhadap perkembangan pelaksanaan kontrak OP KD PERKASA, SUB Bahagian Perolehan KEMANTAH amat teruja dengan status serta hasil inovasi/inisiatif "luar biasa" warga Navy People. "Luar biasa" disebabkan kaedah selenggaraan berjadual refit secara konvensional mengikut "surat khabar lama" tidak diteruskan, sebaliknya inisiatif berimpak tinggi telah diterokai.

Pelaksanaan OP ke atas kapal TLDM telah mendapat perhatian pihak Economic Planning Unit (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Sekiranya projek OP ini berjaya, pihak EPU berhasrat memperluaskan metodologi sedemikian ke Kementerian lain disebabkan mempunyai Return of Investment yang tinggi.

Warga Navy People wajar berbangga dengan inisiatif baharu serta unik yang dihasilkan, dimana sebelum ini boleh dikatakan sebagai “a dream in a dream”. Sehubungan itu, warga Navy People perlu terus berinovasi secara berterusan untuk menambahbaik proses kerja, mahupun hasil produk bagi memastikan TLDM terus unggul, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sumber : RMN Chief Engineer Office, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : LK PBS Mohd Shahfulnizam bin Abu Kasim

ARMADA MARKAS WILAYAH LAUT 2 LAKSANA SANDAKAN READINESS EXERCISE (SREX) SECARA BERTERUSAN



Pelaksanaan latihan yang kerap dapat melahirkan warga TLDM yang lebih kompeten dan berilmu dalam menjalankan tugas

SANDAKAN, 14 Feb – Pelayaran Sandakan Readiness Exercise (SREX) yang melibatkan kapal-kapal di Tambatan Pangkalan Sandakan (TPS) diteruskan lagi pada minggu ini sebagai usaha Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) dalam menilai dan seterusnya meningkatkan tahap kompetensi warga armadanya.

SREX yang disasarkan dilaksanakan sekurang-nya sekali dalam setiap minggu ini merupakan salah satu medan bukan sahaja kepada Tim Penilai untuk mengetahui sejauh mana pengetahuan dan kemahiran warga kapal, ianya juga dijadikan peluang kepada pegawai-pegawai muda yang diperjwatkan di kapal dalam menggilap kemahiran mereka terutamanya dalam aspek navigasi dan pengendalian kapal.

Di dalam pelayaran SREX kali ini, evolusi dan latihan yang dirangka lebih menjurus kepada menguji kompetensi Tim Anjungan sejajar dengan penekanan yang diberikan oleh pucuk pimpinan TLDM di mana aspek navigasi antara perkara yang perlu dititikberatkan. Kesibukan dalam melaksanakan operasi-operasi di bawah tanggungjawab MAWILLA 2 tidak menghalang kepada seluruh warga armada MAWILLA 2 yang terlibat untuk memberikan kesungguhan yang tinggi dalam memastikan setiap evolusi dan latihan yang dijalankan mencapai sasaran yang dikehendaki.

Adalah diharap dengan pelaksanaan latihan sebegini dengan lebih kerap, ianya dapat melahirkan warga TLDM yang kompeten dan berilmu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di kapal sama ada ketika waktu aman atau pun sebaliknya. Kesiapsiagaan armada tidaklah hanya diukur kepada kemampuan pengoperasian aset-aset malah ianya juga merangkumi aspek sumber manusia iaitu kemampuan, pengetahuan, dan kompetensi warganya semasa bertugas di kapal.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : LK I TLR Ahmad Shukri bin Samad

AUDIT KESIAPSIAGAAN PASUKAN SIMPANAN TENTERA LAUT KUCHING 2020



Panglima MPPS TLDM, Kept Ismail bin Othman TLDM bergambar kenangan bersama warga PSTL Kuching

KUCHING, 29 Feb – Audit Kesiapsiagaan Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL) Kuching telah dilaksanakan pada 27 hingga 29 Feb 20 oleh Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM yang diketuai oleh Ketua Staf merangkap Panglima Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM, Kepten Ismail Bin Othman TLDM dan delegasi audit MPPS TLDM.

PSTL Kuching berjaya memperoleh markah keseluruhan sebanyak 77.7% sekaligus mendapat 3 bintang pada audit yang telah dilaksanakan. Persediaan rapi telah membuah hasil kepada seluruh warga PSTL Kuching dan menunjukkan kesepaduan serta kerjasama erat dalam kalangan warga dalam menjayakan audit tersebut.

Pelaksanaan audit adalah berdasarkan Sistem Pentadbiran N-Series yang merangkumi Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan, Bahagian Perisikan Laut, Bahagian

Operasi dan Eksekutif, Bahagian Material, Bahagian Kejuruteraan, Bahagian Komunikasi Strategik dan Informasi, Bahagian Pasukan Simpanan dan Bahagian Inspektorat Jeneral, menggunakan Protokol Audit Sistem Star Rating.

Objektif Audit Kesiapsiagaan tersebut adalah untuk menilai tahap kemampuan dan prestasi unit di dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan teras. Acara dimulakan dengan Pemeriksaan Perbarisan, yang telah disempurnakan oleh Panglima Simpanan TLDM di mana, ketibaan beliau telah disambut oleh Pegawai Staf PSTL Kuching, Lt Kdr Ryandal Adrian anak Andreas TLDM. Perbarisan melibatkan seramai 14 orang Pegawai dan 95 orang anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh pegawai perbarisan, Lt Kdr Kenny Wong Toh Wee PSSTLDM dan dibantu oleh Pegawai Waren Perbarisan, PW I PRL Zaini Bin Haji Tanggek.

Selesai perbarisan, Kepten Ismail Bin Othman TLDM meluangkan masa untuk beramah mesra bersama warga PSTL Kuching. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : PKK Syful Mirza Bin Alluwie

Foto : LK PNK Ajariah Bt. Umar / LK I TLR Strikalai Mannan a/I Istriram

BAHAGIAN MATERIEL MARKAS TENTERA LAUT DEKATI WARGA STESEN JARAK TLDM



Abadikan kenangan. Delegasi bergambar bersama warga Navy People di Stesen Jarak TLDM

LUMUT, 17 Mac - Laksamana Muda Datuk Hj Mohd Ridzuan bin Hamzah, Asisten Ketua Staf Materiel telah melaksanakan lawatan kerja ke Stesen Luar Pantai Pulau Jarak TLDM atau lebih dikenali sebagai STESEN JARAK TLDM. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau pengoperasian STESEN JARAK TLDM yang telah diambil alih sepenuhnya oleh TLDM dari Tentera Darat Malaysia pada 27 Dis 19 yang lalu. Selain itu, lawatan ini juga bertujuan bagi mendapatkan input yang lebih jelas terhadap keperluan logistik yang kritikal bagi stesen ini.

Lawatan ini turut disertai oleh Pengarah Kanan Materiel, Laksmana Pertama Hj Jailani bin Adnan serta wakil dari Bahagian Materiel, Markas Tentera Laut serta Bahagian Logistik, Markas Pemerintahan Armada Barat. Kehadiran delegasi telah disambut oleh Pegawai Laksana STESEN JARAK TLDM, Lt Dya Nik Muhammad Faisal bin Mah Hassan TLDM yang turut membawa delegasi meninjau penempatan sementara yang didiami oleh anggota STESEN JARAK TLDM. Beliau turut mengiringi delegasi ke tapak pembinaan penempatan kekal yang kini giat dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Laksda Datuk Hj Mohd Ridzuan turut mengambil peluang untuk lebih mendekati warga Navy People yang bertugas di sini bagi memahami keperluan dalam

meningkatkan kualiti kerja dan persekitaran di pulau tersebut. Dengan lawatan ini, diharapkan penambahbaikan terhadap keperluan warga Navy People di sana dapat dilaksanakan sebaiknya demi menjamin produktiviti yang lebih efektif dan efisien.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

BALU ARWAH BK PAP (GI) (PKL) NAZARI TERIMA KUNJUNGAN DAN SUMBANGAN



PM KDSM melaksanakan Lawatan kepada Balu Arwah BK PAP (GI) (PKL) Mohd Nazari

SEMANGGOL, 21 Feb 20 – Bertempat di kediaman balu kepada 826738 BK PAP (GI) (PKL) Mohd Nazari bin Hamzah di Semanggol Perak, Pegawai Memerintah KD SRI SEMPORNA, Kept Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM sera beberapa wakil daripada Mk PASKAL telah melaksanakan kunjungan ke atas Pn Noor Liza binti Hj Abu Bakar. Kunjungan ini bertujuan melaksanakan penyerahan cek tuntutan kematian yang telah dikeluarkan oleh Koperasi Tentera Cawangan Tawau.

Allahyarham telah menghembuskan nafas terakhir pada 5 Ogos 19 disebabkan oleh serangan jantung. Arwah telah meninggalkan seorang balu dan 3 orang cahayamata perempuan. Semasa bertugas di pasukan, arwah telah diperjawatkan sebagai Bintara Sel Persenjataan. Arwah merupakan seorang bintara yang disenangi oleh semua.

Di dalam majlis ini juga, Kepten Nazree juga telah menyerahkan pampasan kematian arwah kepada ibu dan bapa arwah yang menetap di kampung yang sama. Wakil pasukan turut melihat kepada sebarang kekurangan dan bentuk sumbangan yang boleh dihulurkan kepada keluarga pada masa akan datang.

Sumber : Pejabat Perhubungan Raya – KD SRI SEMPORNA

Artikel : Lt Muhammad Haziq bin Sharifuddin TLDM

Foto : LK I TLR Mohd Asnawi bin Aminuddin

BENGKEL PENETAPAN KURSUS TLDM (HRMIS) SIRI 120

Peserta Bengkel Penetapan Kursus TLDM (HRMIS) Siri 1/20

KUALA LUMPUR, 19 Ogos – Bengkel Penetapan Kursus TLDM (HRMIS) Siri 1/20 yang melibatkan 18 orang peserta terdiri daripada 12 Markas Formasi telah dijalankan selama 3 hari mulai 17 hingga 19 Ogos 20. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Kept Mohd Adzam bin Omar TLDM, Pengarah Pengurusan Sumber Manusia.

Antara objektif Bengkel Penetapan Kursus TLDM (HRMIS) Siri 1/20 ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengenalpasti senarai nama dan kod kursus TLDM yang didaftarkan di dalam HRMIS ATM. Seterusnya mengenalpasti senarai kursus mengikut kategori kursus iaitu kursus BPR, kursus kerjaya dan kursus pengukuhan serta membangunkan cadangan draf Buku Kursus TLDM sebagai panduan bagi pemilik proses (penganjur).

Selain itu, bengkel turut menjemput penceramah jemputan daripada Markas ATM – BPA (JRP) iaitu Mejar Azizi bin Elias bagi memberi taklimat berkenaan Status Semasa HRMIS ATM, kekangan yang dihadapi dan rancangan masa hadapan berkaitan hala tuju Sistem HRMIS ATM.

Sumber : Seksyen BPR & HRMIS

Artikel : Lt Dya Nur Fatimah binti Hayuza PSSTLDM

Foto : LK I TNL Fatien Nur Izatie binti Mahadi

BERSUKAN SAMBIL BERIADAH

Pegawai Wisma Anchor Point yang telah memeriahkan aktiviti sukan pegawai MAWILLA 2

SANDAKAN, 5 Feb – Wisma Pegawai Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2), Wisma Anchor Point (WAP) sekali lagi telah mengambil inisiatif untuk mengadakan sukan dan aktiviti riadah antara pegawai-pegawai di MAWILLA 2 bersempena pelaksanaan aktiviti sukan pada petang hari Rabu setiap minggu.

Walaupun masing-masing sibuk dengan komitmen tugas harian di pejabat atau pun di kapal, ruang dan waktu yang diperuntukkan ini telah digunakan oleh para pegawai MAWILLA 2 dengan menganjurkan Pertandingan Dart Master Bulan Februari yang melibatkan ahli-ahli WAP. Sungguh pun sebahagian peserta yang mengambil bahagian di dalam pertandingan ini tidak mempunyai skil yang tinggi di dalam sukan dart, namun atas semangat kesukanan, pertandingan ini telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam ucapan oleh Yang Di-Pertua (YDP) WAP Kdr Ahmad Rashidi bin Othman TLDM, beliau berterima kasih kepada ahli-ahli WAP yang hadir dan mengambil bahagian di dalam aktiviti ini walaupun masing-masing mempunyai komitmen dan tugas yang lain sehingga ada di kalangan ahli yang hadir masih dengan berpakaian uniform kerja. YDP WAP turut berharap agar aktiviti riadah seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang kerana ianya dilihat mampu menjadi medan untuk para pegawai di Pangkalan TLDM Sandakan mengeratkan

perhubungan yang sedia ada di samping melaksanakan aktiviti sukan yang menyihatkan badan.

Dengan penganjuran aktiviti sebegini di wisma pegawai, ianya juga dapat memastikan sesebuah wisma itu sentiasa aktif dengan pelbagai aktiviti dan interaksi di kalangan ahlinya dan meneruskan tradisi Tentera Laut yang telah dipraktikkan sejak sekian lama. Kesibukan dalam pelaksanaan tugas tidaklah menjadi alasan utama kepada seseorang itu untuk tidak bersukan dan beriadah.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : LK I TLR Ahmad Shukri bin Samad

CHIEF OF NAVY - TWO YEARS IN OFFICE



"Fleet First" menjadi matlamat utama pengurusan tertinggi TLDM

KUALA LUMPUR, 30 Nov - Hari ini genap dua tahun Panglima Tentera Laut menerajui TLDM. Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai lembaran sejarah baharu telah dilakar dan penambahbaikan serta realignment of focus telah dilaksanakan seiring dengan cabaran dan kekangan yang dihadapi kini. Artikel ini hanya mencoretkan elemen "Machine", tidak merangkumi elemen "Man" dan "Method", sesuai dengan jumlah perkataan yang terhad di ruangan ini.

Matlamat utama pengurusan tertinggi TLDM ialah "Fleet First" - armada perlu berada dalam keadaan ever-ready dalam aspek "To Float", "To Move" dan "To Fight".

Justeru, bagi mencapai matlamat tersebut, beberapa inisiatif berimpak tinggi telah dilaksanakan, memandangkan aset Littoral Combat Ship (LCS) TLDM yang sepatutnya kapal pertama diterima pada April 2019 tidak dicapai. Antara inisiatif tersebut adalah:

- Pelaksanaan repowering terhadap empat kapal jenis Fast Attack Craft (FAC) iaitu penggantian baharu enjin kapal termasuk kotak gear dan propeller serta electrical power generation yang baharu. Pada ketika ini, tiga kapal sedang giat menjalani program yang sama, dan akan selesai repowering dalam tempoh 2 tahun lagi secara berperingkat. Inisiatif ini telah membolehkan keupayaan kapal "To Move" adalah lebih berkesan dan efektif dari segi kos.

- Obsolescence Programme (OP) iaitu program menggantikan keseluruhan hull atau badan kapal serta sistem di dalamnya secara total untuk menghasilkan kapal “baharu”. Hasil program ini hanya akan diketahui pada penghujung 2021, namun inisiatif ini adalah satu langkah ke arah mencapai matlamat “To Float” dan “To Move”.

- Memperkasakan keupayaan “To Fight”, di mana Sistem Kombat akan dipasang di dalam kapal TLDM yang tiada sistem tersebut secara berperingkat. Keupayaan ini dijangka diperolehi pada awal tahun 2022. Inisiatif ini lewat dilaksanakan disebabkan pandemik Covid-19, namun seiring dengan kata-kata Benjamin Franklin, salah seorang founding fathers Amerika Syarikat, “By failing to prepare, you are preparing to fail”.

- Perolehan Helikopter Operasi Maritim untuk keupayaan “To Fight” Armada TLDM. Perolehan ini melibatkan tiga helikopter baharu yang mampu meningkatkan keupayaan tempur dimensi udara TLDM.

Selain kejayaan dan perancangan yang telah dilaksanakan, keutamaan “Fleet First” juga akan terus dipergiatkan dalam tempoh terdekat, memberi “taring” untuk TLDM terus mampan dan berkeupayaan. Sehubungan itu, warga Navy People disaran agar terus berganding bahu membawa TLDM ke tahap yang lebih cemerlang.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir Mohd Shaiful Adli Chung bin AbdullahFoto : Bahagian Komunikasi Strategik, Markas Pemerintahan Armada Barat

DSAT PAMER PENGHARGAAN DENGAN MERAIKAN ANGGOTA BERTUKAR KELUAR



Pegawai Memerintah DSAT Menyampaikan Cenderahati

KOTA KINABALU, 11 Ogos – Dalam situasi penuh berjaga-jaga dalam Pandemik COVID-19, Depot Senggara Armada Timur (DSAT) tidak ketinggalan melaksanakan tanggungjawab kebajikan kepada warganya yang akan bertukar keluar untuk bertugas ke unit dan kapal lain. Justeru, suatu majlis ringkas dengan mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) KKM telah dilaksanakan di dataran DSAT dalam usaha menghargai sumbangan mereka sepanjang berkhidmat di DSAT.

Pegawai Memerintah DSAT, Kdr Azmin Zar bin Abd Rashid TLDM hadir menyempurnakan majlis dan turut menzahirkan ucapan penghargaan beliau kepada tujuh anggota yang diraikan. Dalam majlis sama, beliau turut berbesar hati menyampaikan cenderahati sebagai tanda kenang-kenangan daripada unit kepada anggota yang bertukar keluar. Sebelum mengakhiri majlis, bacaan doa turut dilaungkan memohon agar kesemua warga DSAT akan terus maju jaya serta dipermudahkan urusan walau di mana sahaja mereka berkhidmat selepas ini.

Sumber : Pegawai Laksana Depot Senggara Armada Timur

Artikel : Lt Kdr Chin a/I In TLDM

Foto : LK KOM Muhamad Azhar Bin Abdullah

ENGINEERING WORKING GROUP (EWG) ANTARA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) DAN UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN



TLDM melalui Cawangan Penguasa Kejuruteraan Armada (CPKA) setakat ini telah membentuk lima EWG dengan universiti awam dan swasta iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) sejak Feb 2020. EWG ini bertujuan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan bagi bidang kejuruteraan marin dan senibina kapal dalam usaha menyelesaikan permasalahan kejuruteraan yang dihadapi oleh perkhidmatan.

Selain untuk penyelidikan dan pembangunan, EWG juga berperanan untuk mengenalpasti dan mencadangkan tindakan penyelesaian yang berkesan kepada Amada TLDM terhadap isu kejuruteraan. Disamping itu, hasil kajian yang dihasilkan boleh digunakan sebagai sumber rujukan untuk kegunaan akademik bagi pengajian lanjutan peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah. Bahkan ianya boleh diguna untuk peningkatan kerjaya seperti menjadi Jurutera Profesional, Teknologis Profesional serta Juruteknik Bertauliah. Pelaksanaan inisiatif ini adalah bertujuan salah satu pendekatan untuk menyokong Program Transformasi #15to5 TLDM.

Kesimpulanya, tujuan utama penubuhan EWG adalah sebagai langkah untuk mengenal pasti permasalahan kejuruteraan serta langkah-langkah penambahbaikan yang boleh meningkatkan lagi kesiagaan operasi Armada TLDM. Justeru dengan wujudnya EWG, sebarang isu kejuruteraan yang timbul dalam pengoperasian aset-aset TLDM dapat diuruskan dengan lebih baik di peringkat strategik melalui pelan tindak serta penambahbaikan yang bakal dikenal pasti. Pendekatan ini juga adalah ke arah melestarikan CPKA sebagai Penguasa Tunggal Kejuruteraan (Single Engineering Authority) di dalam TLDM selain transformasi perubahan ke arah menjadi Center of Excellence for Naval Engineering (CoENE) dan Center of Expertise (CEX).

Sumber : Mk TL-Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Kdr Ir. Ts. Ng Keng Lip TLDM

HARI INOVASI DEPOT SENGGARA ARMADA TIMUR



Pemenang Hari Inovasi Bersama Pengurusan Unit

KOTA KINABALU, 5 Nov – Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang masih berkuatkuasa sedikit sebanyak telah memberi impak kepada keseluruhan aktiviti dan pengoperasian sesuatu unit. Mengambil kira situasi dan demi menjaga moral warganya, Pegawai Memerintah Kdr Azmin Zar bin Abd Rashid TLDM telah mencetuskan idea untuk melaksanakan Hari Inovasi peringkat DSA Timur bagi mengekalkan semangat serta kesihatan fizikal dan minda warga supaya sentiasa positif dan berfikiran inovatif.

Bulan Oktober 2020 yang lalu telah diisytiharkan sebagai Bulan Inovasi DSA Timur dan sepanjang bulan tersebut, pelbagai pertandingan seperti Zon Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (KKP), Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan penulisan esei peringkat DSA Timur telah dilaksanakan.

Program ini nyata membuka peluang kepada warga untuk menunjukkan bakat terpendam di samping mencapai objektif utamanya iaitu menyediakan warga DSAT yang berinovasi. Bengkel Srimala cemerlang apabila berjaya membolot 2 kategori utama iaitu Zon KKP Terbaik dan Projek KIK Terbaik manakala LK TMK Muhammad Hasnul Syahidad bin Saidun dari Bahagian Pentadbiran telah dinobatkan sebagai juara bagi kategori penulisan esei terbaik.

Sumber : Bahagian Komunikasi Strategik MPA Timur

Artikel : Lt Kdr Chin a/I In TLDM

Foto : LK I TMK Mohd Hafizul Fahmi bin Khazali

HOUSE IN ORDER INITIATIVES - KEPT Ir. HJ AHMAD FAHMI BIN JAHAYA TLDM



Kept Ir. Hj Ahmad Fahmi (kiri) semasa di USCGA

Kept Ir. Hj Ahmad Fahmi bin Jahaya TLDM adalah seorang Licensed Aircraft Engineer dan sejak tahun 2018, beliau merupakan Jurutera Udara Terkanan (Senior Air Engineer) di dalam TLDM. Bekas pelajar Maktab Tentera Diraja ini memulakan kerjaya sebagai pegawai TLDM pada tahun 1995 setelah menamatkan latihan kadet di United States Coast Guard Academy (USCGA).

Komitmen tinggi beliau ketika bertugas di Skwadron 501 telah menyumbang kepada kejayaan helikopter Super Lynx TLDM mencapai flying hour tertinggi di dunia iaitu 10,000 jam dalam tempoh 15 tahun tanpa sebarang insiden tidak diingini. Pencapaian ini mendapat pengiktirafan Leonardo, syarikat pengeluar helikopter tersebut, di LIMA '19.

Kept Ir. Hj Ahmad Fahmi adalah seorang Pegawai Kejuruteraan TLDM yang berkelayakan Professional Engineer berdaftar dengan Board of Engineers (BEM) Malaysia. Selain kepakaran dalam senggaraan helikopter, beliau juga pernah berkhidmat di kapal TLDM. Pengalaman dan know-how beliau yang luas telah

membuahkan idea untuk membangunkan konsep Standard Exchange dalam senggaraan berjadual kapal. Konsep ini telah dikembangkan oleh Ketua Jurutera TLDM menjadi metodologi SMART Refit yang boleh memendekkan masa senggaraan sesebuah kapal.

Di luar kerjaya beliau, Kept Ir. Hj Ahmad Fahmi aktif dalam sukan olahraga, khususnya dalam acara larian pecut. Kept Ir. Hj Ahmad Fahmi TLDM pernah memecahkan rekod acara 55 meter pecut dalam masa 6.61 saat ketika di USCGA. Rekod beliau telah bertahan selama 16 tahun, dan sehingga kini beliau masih lagi memegang rekod sebagai pelari kedua ter pantas dalam acara tersebut. Dalam acara 200 meter pula, beliau adalah dalam kelompok 10 pelari ter pantas USCGA.

Bagi meningkatkan kerjaya beliau, Pegawai telah melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Sains Sosial (Pengajian Pertahanan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2015. Kept Ir. Hj Ahmad Fahmi telah menerima Anugerah Dekan dengan GPA 4.0 bagi semester kedua beliau. Pegawai juga merupakan peserta kursus Maktab Turus Angkatan Tentera dan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera. Lebih membanggakan, research paper beliau di kedua-dua institusi tersebut telah diterbitkan di majalah rasmi masing-masing pada tahun 2008 pada tahun 2016.

Sumber : RMN Chief Engineer Office , Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut
Artikel : Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah

INISIATIF PELAKSANAAN FACILITY MANAGEMENT BAGI FASILITAS KAPAL SELAM SECARA PERFORMANCE-BASED CONTRACT



Selesai. Peserta Kursus dan Sekretariat bergambar bersama SUB Bahagian Pembangunan, KEMENTAH

KUALA LUMPUR, 9 Sep - TLDM adalah agensi pertama di bawah naungan Kementerian Pertahanan Malaysia yang berhasrat untuk melaksanakan Facility Management (FM) terhadap selenggaraan dan pengoperasian fasilitas kapal selam secara Performance-based Contract (PBC).

Selain itu, Kementerian Pertahanan juga merupakan kementerian pertama yang diberi kelulusan khas untuk melaksanakan FM tanpa melibatkan Jabatan Kerja Raya (JKR), iaitu pihak berkuasa terhadap FM di Malaysia. JKR merupakan peneraju pelaksanaan FM bagi aset Kerajaan, yang telah dilaksanakan di beberapa kementerian lain.

Bagi mencapai objektif inisiatif baharu ini, satu bengkel 3-hari untuk membangunkan dokumen FM telah dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Kementerian Pertahanan dengan kerjasama tenaga pakar dari pihak JKR. Penutup bengkel hari ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dr Hj Al-Azmi bin Bakar, Setiausaha Bahagian Perolehan, Kementerian Pertahanan.

FM adalah kaedah di mana sesuatu aset dioperasikan oleh firma swasta untuk kegunaan TLDM berdasarkan prestasi (performance) yang ditetapkan bagi menyokong pengoperasian kapal selam. Justeru, keperluan selenggaraan, pembaikan, pengurusan selenggaraan serta upkeep aset infrastruktur kapal selam perlu dilaksanakan oleh Pemegang Kontrak. Pada masa ini, pelaksanaan FM kapal selam adalah menggunakan kontrak In-Service Support (ISS).

Khidmat tenaga pakar berkaitan FM daripada JKR sebagai fasilitator bengkel telah memberikan banyak pengajaran dalam aspek know-how, sebelum FM ditender secara Tender Terbuka.

Seramai 35 orang peserta telah mengikuti bengkel ini, terdiri daripada 5 warga Navy People, seorang pegawai Bahagian Perolehan dan 29 orang peserta daripada Bahagian Pembangunan kementerian. Hasil daripada bengkel, beberapa pelan tindak telah ditetapkan agar kontrak FM dapat direalisasikan pada tahun 2023.

Berdasarkan inisiatif ini, warga Navy People disaran agar terus berinovasi serta memajukan inisiatif baharu untuk membolehkan TLDM terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Foto : Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan

INSIATIF TRILATERAL MARITIME PATROL (TMP) ANTARA TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA (TLDM) BERSAMA TENTERA LAUT FILIPINA (TLF) DITERUSKAN



Kibaran Bendera (Semaphore). Antara latihan bersama yang dilaksanakan antara KD YU dan BRP EMILIO JACINTO (PS 35)

SANDAKAN, 10 Feb – KD YU telah melaksanakan pertemuan bersama kapal Tentera Laut Filipina (TLF) BRP EMILIO JACINTO (PS 35) untuk menjayakan program Trilateral Maritime Patrol (TMP) Siri 3/20 yang dianjurkan di bawah inisiatif Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) yang melibatkan kerjasama 3 buah negara Malaysia, Indonesia dan Filipina. Pertemuan kali ini telah dilaksanakan di sekitar garis sempadan maritim di antara Malaysia - Filipina. Kedua-dua buah kapal tersebut sedang melaksanakan rondaan di kawasan perairan negara masing-masing dan telah membuat pertemuan untuk Inisiatif Bertukar Maklumat (IBM).

Program kali ini telah bermula dengan KD YU yang diperintah Lt Kdr Hasanal Azwad bin Rusli TLDM bertemu dengan BRP EMILIO JACINTO yang diperintah oleh Kdr Aldrin A Gacusan PN. Kedua-dua Tim Pemerintah kapal telah mengadakan perbincangan operasi di mana perkongsian maklumat dilakukan khususnya dalam mengenal pasti kawasan tumpuan (hot spot) serta perancangan latihan dilaksanakan.

Sejurus selesai sesi perkongsian maklumat dan interaksi melibatkan kru kedua-dua buah kapal, latihan bersama di laut telah dimulakan. Antara latihan yang

dilaksanakan adalah Manuvra Taktis (MANTAK), Kibaran Bendera (Semaphore), Publication Exercise (PUBEX) dan Replenishment at Sea Approach (RASAP). Kesemua latihan ini bertujuan meningkatkan keupayaan dan kemahiran warga kapal serta interoperabiliti di antara kedua-dua tentera laut.

Rondaan bersama dan pertemuan ini akan diteruskan untuk memudahcara pertukaran maklumat berkaitan ancaman semasa di kawasan persempadanan perairan kedua-dua buah negara berdasarkan insiden penculikan yang berlaku di perairan Pantai Timur Sabah baru-baru ini. Di samping dapat mengekang aktiviti jenayah rentas sempadan, inisiatif rondaan TMP sebegini dilihat dapat meningkatkan keyakinan masyarakat setempat dan antarabangsa ke atas keupayaan negara Malaysia dan Filipina bersama Indonesia dalam mengurus isu keselamatan maritim terutamanya di Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Selesai pertemuan, kedua-dua kapal tersebut kembali meneruskan rondaan di perairan negara masing-masing.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : KD YU

KD SRI JOHOR LAKSANA RONDAAN TMP SIRI 5-20 BERSAMA KAPAL TENTERA LAUT FILIPINA



Rondaan bersama bagi mencegah ancaman jenayah rentas sempadan

SANDAKAN, 4 Mac – KD SRI JOHOR hari ini telah meneruskan Trilateral Maritime Patrol (TMP) yang dianjurkan di bawah inisiatif Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) bersama kapal Tentera Laut Filipina (TLF) BRP MIGUEL MALVAR (PS 19) bagi siri yang ke-5 dalam tahun 2020.

BRP MIGUEL MALVAR antara kapal TLF yang tidak asing di dalam program TMP telah melaksanakan pertemuan bersama KD SRI JOHOR di sempadan perairan kedua-dua negara. Walaupun kedua-dua kapal tidak dapat rapat di antara satu sama lain berikutan keadaan laut yang bergelora, ianya tidak menjadi penghalang untuk menjayakan rondaan maritim bersama di samping melaksanakan beberapa siri latihan di laut.

Pertemuan di laut rondaan bersama dan ini adalah bertujuan bagi perkongsian maklumat berkaitan ancaman semasa di kawasan persempadanan perairan kedua-dua buah negara termasuklah isu aktiviti jenayah rentas sempadan seperti penculikan yang dilihat menjadi ancaman utama di perairan Laut Sulu yang mana meliputi sempadan perairan Malaysia – Filipina.

Semasa menjayakan rondaan maritim bersama, kedua-dua kapal turut berkesempatan melaksanakan beberapa siri latihan seperti Manuvra Taktis (MANTAK), Replenishment at Sea Approach (RASAP) dan Kibaran Bendera (Semaphore). Kesemua latihan ini bertujuan meningkatkan keupayaan dan kemahiran warga kapal serta interoperability di antara kedua-dua tentera laut.

Inisiatif rondaan TMP ini wajar diteruskan kerana ianya telah terbukti memberi manfaat yang baik dan impak yang sangat positif kepada komuniti maritim di Zon

Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZone) ini. Dengan melaksanakan siri rondaan bersama ini juga secara tidak langsung menggambarkan komitmen tinggi yang diberikan oleh kedua-dua buah negara dalam memastikan keselamatan perairan di rantau ini sentiasa terpelihara. Ia juga dilihat mampu untuk meningkatkan keyakinan masyarakat setempat dan antarabangsa ke atas keupayaan negara Malaysia dan Filipina dalam mengurus isu keselamatan maritim terutamanya di Laut Sulu.

Selesai rondaan bersama dan siri latihan yang dilaksanakan, kedua-dua buah kapal telah kembali meneruskan rondaan di perairan negara masing-masing.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : KD SRI JOHOR

KD SRI SEMPORNA RAI SAMBUTAN PENTAULIAHAN KE-15

Penanaman kapsul masa oleh Pegawai Memerintah KD SRI SEMPORNA

SEMPORNA, 15 Jul – KD SRI SEMPORNA – Unit 2 PASKAL telah menjayakan Sambutan Hari Pentauliah Pasukan kali ke-15 mulai 3 hingga 15 Jul 20 telah berlangsung dengan meriah. Sepanjang berlangsungnya sambutan ini, beberapa aktiviti telah dilaksanakan dengan jayanya. Antara sambutan yang telah dijalankan adalah:

Kejohanan Bola Tampar Piala Pegawai Memerintah
Pertandingan Rekacipta Poster
Pertandingan Tarik Tali
Perbarisan Pentauliah
Penanaman Kapsul Masa
Hari Penghargaan Warga
Sesi Bicara Orang Lama
Chamber Dive
Pertandingan Menembak Pistol Antara Agen

Kemuncak sambutan HUT KDSM pada kali ini adalah pada 12 Jul 20 bersesuaian dengan kematangan pasukan yang telah menjangkau usia 15 tahun sejak ianya ditauliahkan pada 2005 oleh TYT Negeri Sabah pada ketika itu. Angka 15 tahun ini juga jelas memperlihatkan kecemerlangan serta kejayaan yang terus digarap oleh keseluruhan Navy People di pasukan ini.

Secara keseluruhannya, kesemua aktiviti telah berjalan dengan lancar dan dilaksanakan dengan cemerlang. Pegawai Memerintah KDSM, Kept Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM di dalam ucapannya berhasrat agar kecemerlangan pasukan ini terus dikekalkan dalam memastikan kesiagaan aset serta modal insan dapat diteruskan bagi mendukung visi TLDM di dalam menjadi Tentera Laut bertaraf dunia.

Sumber : Unit Perhubungan Raya KD SRI SEMPORNA -Unit 2 PASKAL

Artikel : Lt Dya Ahmad Irfan Afif bin Azeman PSSTLDM

Foto : LK TLR Ahmad Zaki bin Rail

KD TODAK TERIMA PEGAWAI MEMERINTAH BAHARU

PANGWILLA 2 menyaksikan upacara menandatangani Nota Serah Terima Tugas di antara Mantan dan Pegawai Memerintah KD TODAK baharu

SANDAKAN, 07 Feb - Majlis Serah Terima Tugas Pegawai Memerintah KD TODAK telah dilaksanakan dengan jayanya pada pagi ini. Leftenan Komander Ahmad Zaki bin Ismail TLDM dengan rasminya telah menyerahkan tampuk pemerintahan KD TODAK kepada Leftenan Komander Mohd Rozaimi bin Mahmod TLDM.

Majlis telah dimulakan dengan upacara menandatangani Sijil Nota Serah Terima Tugas di antara Mantan Pegawai Memerintah kepada Pegawai Memerintah baharu sambil disaksikan oleh Panglima Wilayah Laut 2 (PANGWILLA 2), Laksamana Muda Dato' Sabri bin Zali. Seterusnya PANGWILLA 2 telah menyempurnakan upacara penurunan Insignia Pemerintahan daripada Mantan Pegawai Memerintah dan Pemakaian Insignia Pemerintahan kepada Pegawai Memerintah yang baharu. Sebagai simbolik peralihan tampuk pemerintahan, Mantan Pegawai Memerintah telah menyerahkan teropong kepada Pegawai Memerintah yang baharu.

Dalam ucapan PANGWILLA 2 berkata perlantikan Lt Kdr Mohd Rozaimi TLDM sebagai Pegawai Memerintah KD TODAK yang baharu merupakan manifestasi keyakinan dan kepercayaan pucuk pimpinan TLDM terhadap kewibawaan Navy People untuk menggalas tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya. PANGWILLA 2 percaya, Pegawai Memerintah KD TODAK yang baharu akan dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi. Beliau juga menekankan bahawa kompetensi dan kemahiran warga kapal juga perlu dititikberatkan di samping memastikan kesiagaan kapal sentiasa berada di tahap tertinggi. Justeru, beliau turut menyeru kepada seluruh warga KD TODAK agar

dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi dengan penuh dedikasi terutamanya dalam aspek senggaraan kapal.

Di dalam ucapannya juga, PANGWILLA 2 turut menzahirkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mantan Pegawai Memerintah, Lt Kdr Ahmad Zaki TLDM yang telah menerajui kapal tersebut selama hampir dua tahun dan jangkamasa itu bukanlah mudah untuk dicapai tanpa komitmen dan kesungguhan yang diberikan sepanjang memegang tampuk pemerintahan di kapal.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : LK I TLR Ahmad Shukri bin Sama

KEJAYAAN PROGRAM PASANG PULIH (REFIT) KAPAL TLDM DAN HALA TUJU BAHARU



KD TODAK yang selesai menjalani refit pada 29 Julai 2020 adalah kapal TLDM yang kelima belas (15) daripada dua puluh dua (22) kapal sejak tahun 2017 yang telah berjaya disiapkan mengikut jadual, mengambil kira cabaran Pandemic Covid 19. Refit KD TODAK telah dilaksanakan di Limbungan Weldan Marine Services Sdn Bhd, Sandakan, Sabah.

Kejayaan refit KD TODAK adalah hasil inovasi dan inisiatif warga The Navy People melalui program Refit Inovasi Baharu (Refit Rebranding) yang dilancarkan pada tahun 2017. Melalui program ini refit kapal TLDM ditender di mana perkhidmatan selenggaraan perlu dilaksanakan oleh limbungan secara all inclusive atau pakej, kecuali cat dan lima (5) peralatan utama iaitu jentera utama, janakuasa, kotak gear, controllable pitch propeller (CPP) dan meriam.

Bagi pelaksanaan, kejayaan KD TODAK adalah hasil komitmen tinggi dan berterusan Pengurusan Tertinggi Markas Logistik Timur di bawah pucuk pimpinan Yang Berbahagia Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Affendy bin Suhaimi serta Unit Pelaksana refit iaitu UPS TLDM Timur (dahulu dikenali sebagai UPS TLDM Labuan). Hari ini 10 Ogos 2020 (Isnin) Panglima Logistik Timur mempengerusikan pula Mesyuarat Project Management Review (PMR) refit KD SELANGOR di limbungan Labuan Shipyard & Engineering Sdn Bhd, Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan status semasa, KD SELANGOR juga dijangka dapat disiapkan mengikut jadual mengambil kira cabaran Pandemik Covid 19.

Sungguhpun kejayaan setakat ini boleh dibanggakan, usaha penambahbaikan berterusan masih sedang dilaksanakan. Ini kerana tempoh refit 8 bulan bagi kapal kecil adalah terlalu lama berbanding tempoh pelaksanaan refit di negara lain seperti Korea Selatan. Sasaran kini ialah untuk melaksanakan refit dalam tempoh 4 bulan sahaja. Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut kini sedang membangunkan metodologi refit menggunakan kaedah 'Standard Exchange' yang dinamakan

SMART Refit. SMART Refit dirancang ditender pada awal tahun 2021 bagi refit kapal kecil.

Warga The Navy People disaran terus menyumbang idea, berinovasi serta berusaha menghasilkan inisiatif baharu untuk penambahbaikan berterusan Armada TLDM.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut
Artikel : Laksamana Muda
Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

KEJAYAAN REFIT DAN REPOWERING KD SERANG

Penyerahan Sijil Penerimaan KD SERANG kepada Panglima Logistik Timur

LABUAN, 22 Okt – Hari ini, Panglima Logistik Timur, Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Affenddy bin Suhaimi menyempurnakan upacara penerimaan refit KD SERANG di Preston Shipyard Sdn Bhd. Upacara ini amat bermakna kerana refit KD SERANG berjaya disiapkan mengikut jadual berdasarkan perancangan yang dikemaskini susulan pandemik Covid-19.

Lebih membanggakan, kejayaan serta keberhasilan inisiatif repowering ke atas sistem kuasa gerak kapal, iaitu kejayaan melibatkan kapal yang keempat. Berdasarkan inisiatif ini, kesemua jentera utama, kotak gear, shafting dan propeller ditukar baharu, menggantikan peralatan lama yang telah mencecah 40 tahun.

Warga Navy People wajar berbangga dengan kejayaan ini dan disaran terus berinovasi dengan inisiatif baharu yang berimpak tinggi bagi memastikan TLDM terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut
Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung
Foto : UPS TLDM Timur

KEMPEN TABUNG PAHLAWAN 2020 DILANCARKAN

Sumbangan derma oleh Puan Sri Noorainee sebagai simbolik pelancaran kempen tabung pahlawan

PETALING JAYA, 19 Ogos - Kempen Tabung Pahlawan 2020 telah dilancarkan oleh YABhg. Puan Sri Datin Paduka Hajah Noorainee binti Haji Abdul Rahman, selaku penaung kempen tersebut.

Majlis yang berlangsung di Sri Pentas, Bandar Utama hari ini merupakan kerjasama antara Media Prima Berhad dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia untuk memberi penghormatan dan penghargaan atas pengorbanan para perajurit dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara selama ini.

Kempen ini juga bertujuan menggalakan orang ramai memberi sumbangan ikhlas untuk membantu Veteran ATM yang telah berkorban kepada negara. Hasil kutipan tabung akan digunakan untuk membantu Veteran ATM yang kurang upaya, balu veteran OKU, kos perubatan, bantuan perlatan perubatan, bantuan bencana alam dan bantuan kebajikan yang lain.

Antara yang hadir di majlis pelancaran ini adalah Menteri Pertahanan, Timbalan Menteri Pertahanan, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan wakil setiap perkhidmatan termasuk Panglima Tentera Laut.

Majlis pagi ini dimeriahkan lagi dengan persembahan kawad senyap oleh warga Navy People selain dari persembahan oleh wakil perkhidmatan yang lain.

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM)

KERAJAAN MALAYSIA TERIMA RIGID HULL INFLATABLE BOAT (RHIB) KEPADA DI PANGKALAN TLDM LUMUT, PERAK



Memperkasakan Op Benteng. Penyerahan RHIB disaksikan Panglima Tentera Laut dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan

LUMUT, 7 Dis - Penyerahan fizikal 11 unit Rigid Hull Inflatable Boat (RHIB) kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang diperolehi melalui Projek Perolehan Operasi Benteng (Op Benteng) telah dilaksanakan dengan jayanya di Pangkalan TLDM Lumut, Perak pada hari ini. Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh Tuan Hj Aminudin bin Mat Yusof, Pengarah Urusan Kumpulan MSET Holdings Sdn. Bhd. dan Laksamana Pertama Hj Mohd Redzuan bin Hj Talib, Panglima Pasukan Khas Laut dengan disaksikan bersama YBhg Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut dan YBhg Datuk Hj Ruji bin Hj Ubi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan.

Projek perolehan yang dimeterai dengan syarikat MSET Inflatable Composite Corporation Sdn Bhd (MSET) ini telah menyaksikan kesemua bot dibina sepenuhnya di limbungan MSET di Kuala Terengganu, Terengganu dan berjaya disempurnakan dalam tempoh 8 minggu.

Perolehan RHIB ini sedikit sebanyak akan meningkatkan lagi keupayaan pelaksanaan Op Benteng yang turut digembleng bersama Tentera Darat Malaysia

(TDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah National Task Force (NTF) yang diterajui oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sejak 12 Mei 2020 yang lalu bagi mengekang kegiatan jenayah rentas sempadan merangkumi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), pelanunan, pemerdagangan manusia, penyeludupan dan pencerobohan nelayan asing yang dikhuatiri semakin meningkat akibat daripada pandemik COVID-19.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik, Markas Tentera Laut

Foto : LK PNK Khairul Najmi bin Abd Jabar

KERJASAMA MALAYSIA - FILIPINA TERUS TINGKATKAN KESELAMATAN ESSZONE



Memerhati.. Latihan bagi tim anjungan KD SRI GAYA ketika Trilateral Maritime Patrol berlangsung

SANDAKAN, 19 Feb – Trilateral Maritime Patrol (TMP) yang dianjurkan di bawah inisiatif Trilateral Cooperative Arrangement (TCA) mencatatkan siri yang keempat bagi tahun 2020 apabila kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) iaitu KD SRI GAYA hari ini telah melaksanakan rondaan bersama kapal Tentera Laut Filipina (TLF) BRP EMILIO JACINTO (PS 35).

Program TMP kali ini telah dilaksanakan seawal jam 9.00 pagi dengan pertemuan BRP EMILIO JACINTO yang diperintah oleh Cdr Aldrin A Gacusan PN bersama KD SRI GAYA yang diperintah Lt Kdr Mohd Nor Fazli bin Mat Hassan TLDM. KD SRI GAYA telah merapat di sebelah lambung kiri BRP EMILIO JACINTO. Rondaan bersama dan pertemuan ini adalah bertujuan bagi perkongsian maklumat berkaitan ancaman semasa di kawasan persempadanan perairan kedua-dua buah negara termasuklah isu aktiviti jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan, rompakan di laut, Kidnap For Ransom Group (KFRG) serta Pendatang Tanpa Izin (PTI). Selain daripada itu, kedua-dua kru kapal mengadakan aktiviti crossdeck yang melibatkan lawatan ke tempat kerja masing-masing bagi mengenali tatacara dan prosedur yang diguna pakai oleh TLDM dan TLF.

Sejurus selesai sesi perkongsian maklumat dan interaksi melibatkan kru kedua-dua buah kapal, latihan bersama di laut telah dimulakan. Antara latihan yang dilaksanakan adalah Manuvra Taktis (MANTAK), Publication Exercise (PUBEX), Replenishment at Sea Approach (RASAP) dan Kibaran Bendera (Semaphore). Kesemua latihan ini bertujuan meningkatkan keupayaan dan kemahiran warga kapal serta interoperability di antara kedua-dua tentera laut.

Inisiatif rondaan TMP ini wajar diteruskan kerana ianya telah terbukti memberi manfaat yang baik dan impak yang sangat positif kepada komuniti maritim di Zon Keselamatan Pantai Timur Sabah (ESSZone) ini. Sungguh pun perairan kedua-dua buah negara masih lagi dicemari dengan kejadian penculikan, kedua-dua Pegawai Memerintah turut bersetuju inisiatif ini telah berjaya menurunkan kadar jenayah rentas sempadan dan dilihat dapat meningkatkan keyakinan masyarakat setempat dan antarabangsa ke atas keupayaan negara Malaysia dan Filipina dalam mengurus isu keselamatan maritim terutamanya di Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : KD SRI GAYA

KERJASAMA TLDM - TLDA DIPERKUKUH MELALUI NAVY TO NAVY TALKS KE-14



Sidang video menjadi norma baharu Navy to Navy Talks TLDM-TLDA

KUALA LUMPUR, 24 Nov - Navy to Navy Talks (N2NT) di antara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dengan Tentera Laut Diraja Australia (TLDA) kali ke-14 telah berlangsung buat julung kalinya secara video teleconference.

N2NT merupakan platform perbincangan dua hala dalam membincangkan aktiviti-aktiviti bilateral antara kedua-dua tentera laut. Topik perbincangan kali ini termasuk mengenai kerjasama ketenteraan, latihan dan eksekusi bersama.

Mesyuarat pada kali ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksdya Datuk Abdul Rahman bin Ayob dan rakan sejawat beliau di TLDA, Rear Admiral Christopher Smith.

Sumber : Cawangan Hubungan Antarabangsa, Bahagian Operasi dan Strategi, Markas Tentera Laut

Artikel : Lt Kdr Muhammad Shahir bin Salleh TLDM

Foto : LK PNK Mohamad Fairuz bin Mohamad Azman

KEUNIKAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) BAHAGIAN KEJURUTERAAN, MARKAS TENTERA LAUT (Mk TL) MENDAPAT PERHATIAN PIHAK AUDITOR DAN KERAJAAN



Mesyuarat Varifikasi Harga (CV) Pasang Pulih KD PERAK

PTJ Bahagian Kejuruteraan (JUTRA), Mk TL adalah salah satu daripada 113 PTJ yang terdapat di Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), dimana TLDM mempunyai sejumlah 20 PTJ. Sebagaimana diketahui ramai, setiap PTJ mempunyai fungsi dan peranan yang khusus untuk keperluan perkhidmatan atau pembekalan di setiap Markas dan Formasi. Namun dalam banyak-banyak PTJ tersebut, PTJ JUTRA, Mk TL adalah PTJ yang unik dalam aspek metodologi pengurusan kewangan bagi perkhidmatan yang diterima. Ini disebabkan terdapat sekurang-kurangnya 2 elemen yang unik iaitu:

Kaedah Perolehan. Perolehan tidak dilaksanakan oleh PTJ Jutra, sebaliknya dilaksanakan oleh Unit Pelaksana atau Markas Logistik berkaitan, termasuk penyediaan spesifikasi keperluan senggaraan. Setelah dilaksanakan proses perolehan perkhidmatan, permohonan dimajukan ke PTJ JUTRA untuk kelulusan. Bagi keperluan perkhidmatan selenggaraan berjadual seperti refit, penganugerahan diputuskan oleh Lembaga yang khusus iaitu Jawatankuasa Induk Pembahagian Bot dan Kapal TLDM (JPK TLDM) yang dipengerusikan oleh SUB Bahagian Perolehan.

Metodologi Pembayaran. Semua perolehan yang diluluskan oleh PTJ JUTRA atau JPK TLDM akan melalui proses tapisan dan semakan, sebelum boleh dibayar setelah Mesyuarat Teguran Harga (Cost Query - CQ) dan/atau Mesyuarat Verifikasi Harga (Cost Verification – CV). Dalam erti kata lain, pembayaran dilaksanakan berdasarkan Harga Wajar, bukan Harga Tawaran terhadap tender atau Sebutharga. Umumnya, Harga Wajar tidak boleh melebihi Harga Tawaran, dimana Harga Tawaran adalah siling nilai pembayaran. Bagi sebahagian besar PTJ di KEMENTAH, pembayaran di setiap PTJ adalah berdasarkan Tawaran Harga Petender yang memenangi tender atau Tawaran Harga firma yang terpilih untuk sesuatu sebutharga.

Keunikan proses kerja serta kewangan PTJ JUTRA ini adalah selari dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 Artikel 15 dimana ditekan keperluan pembayaran perlu berdasarkan Harga Wajar, bukannya Harga Tawaran tender atau sebutharga. Selain itu, metodologi perolehan dan pembayaran yang unik ini menyebabkan Pemusatan Kuasa tidak berlaku dalam perolehan perkhidmatan selenggaraan. Sungguhpun keperluan pengasingan Pemusatan Kuasa tidak dinyatakan di sebarang Pekeliling atau pengarah, kecuali saranan oleh Juruaudit, metodologi pengurusan kewangan di PTJ JUTRA telah merealisasikan pendekatan ini sejak tahun 1980an lagi. Jabatan Audit Negara (JAN) kini sedang mempertimbangkan model pengurusan kewangan sedemikian di PTJ JUTRA untuk dipanjangkan ke PTJ yang terpilih untuk penilaian dan pemantauan. Ini disebabkan ianya melindungi banyak kepentingan Kerajaan. Pada masa yang sama Kementerian Kewangan sedang mengkaji untuk memperluaskan pendekatan yang dilaksanakan oleh PTJ JUTRA ini untuk dipanjangkan ke kementerian-kementerian lain.

Artikel : Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

KUNJUNGAN MENTERI PERTAHANAN KEDUA BRUNEI KE MAWILLA 2 PERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA



Panglima MAWILLA 2 menyampaikan cenderamata kepada Menteri Pertahanan Kedua Brunei

SANDAKAN, 4 Feb – Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) telah diberi penghormatan untuk menerima kunjungan daripada Menteri Pertahan Kedua Brunei, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof dan delegasi sempena lawatan kerja sehari ke Sandakan pada hari ini.

Delegasi ini turut disertai oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Brunei (ABDB), Ketua Staf Markas Angkatan Bersama ABDB dan Penasihat Pertahanan Brunei di Kuala Lumpur. Ketibaan delegasi ke Pangkalan TLDM Sandakan, MAWILLA 2 telah disambut oleh Panglima Wilayah Laut 2 (PANGWILLA 2), Laksamana Muda Dato' Sabri bin Zali dan Pegawai-Pegawai MAWILLA 2.

Terdahulu, Yang Berhormat Pehin telah menandatangani buku pelawat sebelum diberikan Taklimat Eksekutif MAWILLA 2 yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Operasi (KBO), Komander Jamhari bin Katimin TLDM. Dalam rangka lawatan singkat ini, delegasi turut diberi walking brief di sekitar Tambatan Pangkalan Sandakan (TPS) dan melawat ke KD JEBAT yang sedang berlabuh di TPS. Kunjungan yang julung kali dilaksanakan di MAWILLA 2 dan Sandakan ini juga dilihat bakal membuka suatu lembaran baharu dalam perhubungan antarabangsa

antara Malaysia - Brunei amnya dan TLDM - ABDB khasnya. Di samping itu, lawatan ini juga dijadikan ruang untuk memperkenalkan produk-produk pelancongan dan kelebihan yang terdapat di daerah ini yang boleh diketengahkan dalam usaha menarik minat pelancong-pelancong dari Brunei untuk datang melancong ke Sandakan.

Yang Berhormat Pehin dan deligasi pada sebelumnya telah melaksanakan lawatan kerja di Tawau pada 2 – 4 Feb 20 sebelum tiba di Sandakan dan meneruskan penerbangan pulang ke Brunei pada sebelah malam hari yang sama. Sesungguhnya lawatan ini dilihat dapat mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin selama ini di antara Malaysia dan Brunei sama ada melalui hubungan diplomatik mahu pun kerjasama ketenteraan antara ABDB dan TLDM.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : LK I TLR Ahmad Shukri bin Sama

KURSUS HRMIS ATM SIRI 3-2020 ZON SELATAN

Selesai. Peserta Kursus HRMIS ATM Siri 3/2020 bergambar bersama

MASAI, 28 Ogos – Kursus Human Resource Management Information System (HRMIS) ATM Siri 3/2020 telah diadakan bermula 24 hingga 28 Ogos yang lalu bertempat di Markas Pemerintahan Pasukan Simpanan TLDM (MPPS TLDM). Kursus yang melibatkan 22 orang peserta terdiri daripada pegawai dan anggota dari ketiga-tiga perkhidmatan Darat, Laut dan Udara bagi pasukan-pasukan atau unit-unit yang berada di Zon Selatan yang mana menjawat jawatan sebagai Pegawai Tadbir/Rekod atau Ketua Kerani/Kerani Rekod. Kursus telah dijalankan mengikut Standard Operating Procedure (SOP) seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Antara objektif Kursus HRMIS Siri 3/2020 ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta berkenaan konsep, proses serta fungsi-fungsi yang terlibat bagi modul-modul HRMIS ATM mengikut peranan masing-masing. Seterusnya membimbing peserta akan penggunaan modul yang terdapat dalam sistem ini terutama proses-proses pengurusan sumber manusia.

Majlis Penutup dan penyampaian sijil kursus ini telah disempurnakan oleh Lt Kol Erman Shah bin Mohd Khafe, Pegawai Staf 1 Sistem Informasi. Ketua Staf MPPS TLDM, Kept Ismail bin Othman TLDM turut berkesempatan melakukan lawatan ramah mesra.

Sumber : Seksyen BPR & HRMIS

Artikel : Lt Kdr Mahazean binti Mat Lawi TLDM

Foto : BK PBK Hazarul Affendiy bin Ismail

KURSUS PENGOPERASIAN DAN PENGENDALIAN SISTEM KOMUNIKASI SATELIT X-BAND



Selesai. Kursus Pengoperasian dan Pengendalian Sistem Komunikasi Satelit X-BAND

KOTA KINABALU, 11 Sep – Sistem Satelit merupakan sebuah infrastruktur yang mandatori dalam merangkaikan sistem komunikasi sesebuah negara dan ini membuatnya amat penting untuk digunakan dalam sistem komunikasi ketenteraan. Satu ketumbuhan tentera yang dijangka dengan sistem komunikasi satelit akan membolehkan pemerintahnya memiliki keupayaan untuk mengumpul, memproses dan menyebarkan maklumat kritikal yang seterusnya akan meningkatkan secara dramatik kesedaran situasi dan memberikan gambaran yang lebih jelas di medan pertempuran. Sistem Komunikasi Satelit X-Band adalah salah satu rangkaian komunikasi terkini yang digunakan oleh ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM sebagai perhubungan komunikasi yang lebih efektif.

Bahagian Komunikasi Peperangan dan Sistem Informasi (KPSI) Markas Tentera Laut telah mengkoordinasikan Kursus Pengoperasian dan Pengendalian Sistem Komunikasi Satelit X-Band bagi SKN 601 dalam membantu unit tersebut bagi mengintegrasikan peralatan Sistem Komunikasi Satelit X-Band bersama sistem analisis Unmanned Aerial System (UAS).

Kursus selama 5 hari ini telah dilaksanakan dengan kerjasama penceramah jemputan dari Pusat Komunikasi Satelit ATM. Majlis penutup kursus dan

penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Lt Kdr Abdul Hamid Bin Abu Bakar TLDM Asisten Ketua Staf Komunikasi dan Sistem Informasi Markas Pemerintahan Armada Timur.

Khidmat tenaga mahir berkaitan Sistem Komunikasi Satelit X-Band daripada PKS ATM sebagai penceramah dan fasilitator kursus telah memberikan banyak pengajaran dalam aspek know-how, sebelum sistem tersebut dioperasikan.

Seramai 40 orang peserta telah mengikuti kursus ini, terdiri daripada krew SKN 601, anggota SKTLDM Kota Kinabalu dan Depot Senggaraan Armada Timur. Hasil daripada kursus ini, semua peserta dilihat dapat mengoperasikan semua jenis terminal X-Band yang telah diajar iaitu Command On The Pause (COTP), Flyaway kit dan Manpack.

Berdasarkan inisiatif kursus ini, warga Navy People terutama dari cawangan komunikasi disaran agar terus berinovasi serta memajukan inisiatif baharu untuk membolehkan TLDM terus cemerlang, gemilang dan terbilang.

Artikel : PW I KOM (I) Rozzainie bin Ishak

Sumber : Bahagian Komunikasi Peperangan dan Sistem Informasi, Markas Tentera Laut

Foto : SKN 601

LAKSAMANA MADYA DATO' ARIS ADI TAN BIN ABDULLAH SERAH TUGAS PANGLIMA ARMADA BARAT



Berjalan lancar. Panglima Tentera Laut menyaksikan upacara penyerahan tugas Panglima Armada Barat

LUMUT, 21 Ogos – Hari ini dalam lipatan sejarah warga Navy People apabila kepimpinan tertinggi Armada Barat iaitu Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah secara rasmi menyerahkan tampuk pemerintahan Markas Pemerintahan Armada Barat (MPAB) kepada Laksamana Madya Dato' Muhamad Ridzwan bin Abdul Rahman setelah mengemudi Armada Barat selama 1 tahun 1 bulan dan 28 hari sebelum bertukar keluar sebagai Komander National Task Force (NTF).

Laksamana Madya Dato' Muhamad Ridzwan bin Abdul Rahman telah diberi kepercayaan bagi memimpin warga Navy People di Pangkalan TLDM Lumut sebagai Panglima Armada Barat ke-25 sekaligus menjadi panglima terkanan di Pangkalan TLDM Lumut.

Upacara penyerahan tugas ini telah disaksikan oleh Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany. Warga Navy People turut sama menyaksikan upacara penurunan insignia pemerintah dan pertukaran teropong simbolik pertukaran tampuk pemerintahan.

Majlis diteruskan dengan upacara serah terima tugas Pengerusi BAKAT (L) Armada Barat di antara Datin Noorul Badriah binti Hj Mohd Said dengan Datin Siti Halijah binti Karim yang disaksikan oleh Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Laut, Puan Sri Maslina binti Ismail.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

LAKSMA SAZALEE SHOIB KINI BERGELAR TIMBALAN PANGLIMA ARMADA TIMUR



Simbolik Serah Tugas. Laksda Rusli Ahmad menyerahkan Nota Serah Terima Tugas kepada Laksma Sazalee Shoib

KOTA KINABALU, 5 Nov - Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Dato Pahlawan Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah berbesar hati menyempurnakan upacara serah terima tugas Timbalan Panglima Armada Timur di antara Laksamana Muda Rusli bin Ahmad dan Laksamana Pertama Sazalee bin Shoib hari ini. Majlis ini telah berlangsung di Serambi MPA Timur serta disaksikan oleh sebahagian warga Navy People yang berkhidmat di Pangkalan Kota Kinabalu.

Laksamana Muda Rusli bin Ahmad telah berkhidmat sebagai Timbalan Panglima Armada Timur selama satu tahun dua bulan bermula 30 Sep tahun lalu dan beliau dijangka meneruskan penugasan terbaharu dalam masa terdekat. Laksamana Pertama Sazalee bin Shoib yang berkepakaran 'Juruterbang' pula telah berkhidmat sebagai Panglima Udara TLDM sebelum mengambil alih tugas sebagai Timbalan Panglima Armada Timur secara rasmi hari ini.

Selain menzahirkan ucapan terima kasih atas khidmat bakti kepada Mantan Timbalan beliau, Panglima Armada Timur turut mendoakan kesejahteraan dan mengucapkan selamat maju jaya kepada Laksda Rusli bin Ahmad. Beliau turut mengalu-alukan kehadiran Laksma Sazalee bin Shoib sebagai Timbalan Panglima yang baharu dan mengharapkan agar kerjasama utuh terus terjalin demi memperkasa Armada Timur.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPA Timur

LANDSKAP TUMBUHAN HIJAU CETUSAN KOMUNITI PENGHUNI BLOK KEDIAMAN PEGAWAI RKTLDM LUMUT



Panglima Armada Barat bergambar bersama Komuniti Blok C-32 di Landskap Taman FATAMA

LUMUT, 7 Jun 20 - Majlis perasmian landskap tumbuhan hijau di perkarangan Blok C-32, Kediaman Pegawai RKTLDM Lumut telah disempurnakan oleh Panglima Armada Barat Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah. Majlis telah dimulakan dengan lawatan tapak landskap oleh Panglima Armada Barat dan beliau turut berbesar hati menanam pokok ciku sebagai simbolik perasmian taman landskap tersebut. Menyusuli acara pada pagi itu, majlis penyampaian sijil penghargaan kepada penghuni dan ucapan oleh Panglima Armada Barat.

Ilham taman atau landskap yang diberi nama FATAMA telah dicetuskan daripada huruf pertama bagi nama setiap isteri bagi penghuni blok kediaman C-32 yang secara langsung terbabit dalam menghasilkan landskap tersebut. Pembinaan taman ini telah mula dirancang pada awal Mac hasil cetusan idea Panglima Armada Barat sendiri yang ingin melihat persekitaran kediaman yang lebih kondusif dan selesa. Penghasilan landskap ini juga amat bertepatan dan selari dengan saranan kerajaan negeri Perak, di mana pada 3 Mac 20 yang lalu, Hari Landskap Negara 2020 Negeri Perak telah berlangsung dan bertemakan 'Generasi Muda Mencorak Landskap Negara'.

Disamping itu, dalam ucapan penghargaan kepada penghuni blok, Panglima Armada Barat turut menyuntik semangat kepada komuniti blok tersebut dengan menggalakkan mereka agar usaha murni ini diteruskan dengan konsisten serta mengambil semangat 'Rumah ku Syurga Ku' sebagai satu pemangkin untuk terus mengekalkan pemuliharaan ekosistem yang berkonsepkan landskap.

Selain itu, pembinaan taman ni juga merupakan satu dasar inisiatif bagi merapatkan hubungan jiran tetangga, mewujudkan tempat yang selesa untuk bersosial dengan jiran dan beriadah serta menyahut seruan "Green Navy". Aktiviti merangka tapak di halaman hadapan blok telah mula dilaksanakan pada 13 Mei 20 iaitu 10 hari sebelum umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Kesemua penghuni blok kediaman telah berganding bahu memberikan kerjasama yang baik dalam menyiapkan pembinaan taman ini. Pelbagai jenis tanaman yang ditanam di taman ini termasuk pokok Cempaka, kelapa tacunan, bunga raya, Japanese Blossom, pokok rhu dan lain-lain. Pelbagai jenis tanaman lain turut dirancang akan ditambah bagi memeriahkan dan mencantikkan lagi taman ini pada masa akan datang.

Sumber : Pejabat IT Mk PL

LAWATAN KEBAJIKAN KEBAKARAN KEDIAMAN ANGGOTA TLDM DI SIBU



Ringankan beban. PWTL menyampaikan sedikit sumbangan kepada anggota yang kehilangan tempat tinggal

KUCHING, 22 Okt – Dua rumah panjang membabitkan 48 pintu yang dihuni kira-kira 40 keluarga di Pasai Siong Tengah di sini musnah terbakar pada 19 Okt 20 yang lalu. Kebakaran yang berlaku pada tengah hari itu turut memusnahkan 15 buah motosikal, 3 buah kereta, sebuah lori dan sebuah van.

Dimaklumkan bahawa terdapat 3 buah rumah keluarga anggota TLDM yang turut musnah iaitu:

- a) LK II HDI Kennedy Anak Engkabang (KD PERANTAU)
- b) P/PW II PNK Jusutine Anak Kennedy (Markas Pemerintahan Kapal Selam)
- c) PW I JJM (B) Siba Anak Rentap

Satu lawatan kebajikan ke Rumah Panjang Jelian Pasai Siong Tengah telah dikoordinasikan oleh Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching (PWTL Kuching) Lt Mohd Ismail bin Yakub TLDM, disertai oleh Lt Mohammed Abdullah Izkandar Bin Roseley PSSTLDM. Pihak PWTL Kuching turut menyampaikan sedikit sumbangan ikhlas berupa pakaian terpakai, makanan dan wang saguhati hasil sumbangan daripada pegawai dan warga PWTL Kuching, Pasukan Simpanan Tentera Laut Kuching

(PSSTLDM Kuching) dan sumbangan wang daripada pihak Markas Pemerintahan Kapal Selam (MPKS) melalui derma kilat yang telah dilaksanakan.

PWI JJM (B) Sibaan ak Rentap berkata, beliau amat terharu dengan sumbangan terutamanya kehadiran pihak TLDM yang diwakili oleh PWTL Kuching kerana sudi datang untuk memberi sumbangan walaupun beliau telah bersara. “Saya sangat terharu kerana kedatangan dari pihak tuan, mengingatkan kembali saya di dalam perkhidmatan. Saya tidak menyangka keprihatinan TLDM yang tinggi kepada anggota TLDM ini sehingga sanggup datang dari Kuching serta turut tidak melupakan anggota yang telah bersara,” katanya.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : LT Mohd Ismail bin Yakub TLDM

Foto : LK I TNL Henry Sawan AK Galong

LAWATAN KERJA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERTAHANAN



Delegasi mematri kenangan bersama sebelum menaiki Bot Tempur CB90

LUMUT, 19 Mei - Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Datuk Muez bin Abd Aziz telah hadir ke Pangkalan TLDM Lumut bagi melaksanakan lawatan kerja beliau. Panglima Tentera Laut, Laksmana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany bersama Panglima Armada Barat, Laksama Madya Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah menyambut ketibaan KSU di Tambatan Pangkalan TLDM sebelum mengiringi beliau dan delegasi menaiki bot tempur CB90.

Dalam lawatan kerja ini, KSU telah dibawa untuk menyaksikan demonstrasi keupayaan yang disertai anggota Pasukan Khas Laut, Markas Udara TLDM dan kru bot tempur serta melibatkan penggunaan 2 buah bot RHIB dan sebuah bot tempur CB90. Demonstrasi ini telah dilaksanakan di sekitar Pulau Pangkor dan bertujuan untuk memperlihatkan keupayaan dan peranan bot CB90 dan RHIB TLDM semasa melaksanakan operasi selain turut memberi gambaran jelas mengenai keperluan mendesak penambahan aset tersebut di dalam TLDM.

Sebelum meninggalkan Pangkalan TLDM Lumut, KSU bersama Setiausaha Bahagian Perolehan Kementerian Pertahanan, Yang Berusaha Dato' Ahmad Husaini bin Abdul Rahman turut sama meluangkan masa bagi mendengar taklimat ringkas dan perancangan operasi TLDM sewaktu lebaran nanti.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

Artikel : BM TNL Norazi bin Ismail

Foto : LK PAP Annur Ehsan@Zahrir bin Almonsani

LAWATAN KERJA KHAS KE SYARIKAT MAN MALAYSIA OLEH KETUA JURUTERA TLDM



Perbincangan antara Ketua Jurutera TLDM dan pihak MAN Malaysia Sdn. Bhd.

KUALA LUMPUR, 28 Okt - Ketua Jurutera TLDM hari ini melaksanakan lawatan kerja khas ke Syarikat MAN Malaysia Sdn Bhd, iaitu pembuat enjin kapal, kenderaan darat dan electrical power generation.

Tujuan utama lawatan kerja khas adalah untuk bertukar pandangan berkenaan tahap sokongan dan keupayaan pembaikan yang tidak mantap bagi senggaraan enjin MAN berkapasiti melebihi 3000kW. MAN Malaysia buat masa ini amat bergantung kepada bantuan dari luar negara bagi memberi perkhidmatan senggaraan enjin berkapasiti tinggi.

Sepanjang pertemuan ini, beberapa inisiatif dan strategi serta perancangan telah dibincang bagi memastikan sokongan terhadap Aset TLDM bertambah baik, selaras dengan aspirasi self-reliance di Kertas Putih Pertahanan (Defence White Paper) yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada bulan Disember 2019 yang lalu.

Pihak MAN Malaysia Sdn Bhd memaklumkan diskusi ini adalah bersifat positif bagi memastikan keperluan pengguna MAN mendapat perkhidmatan after-sale yang terbaik. Di akhir sesi lawatan kerja khas, pihak MAN berjanji akan berusaha mengatasi isu dan cabaran yang dibangkitkan sebelum tahun 2022.

Sumber : The Blue Black Office, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

Foto : Lt Kdr Muhammad Faliq Anwar bin Muhammad Fauzi TLDM

LAWATAN KERJA PANGLIMA TENTERA DARAT BERSEMPENA OP PENAWAR DI DAERAH MANJUNG



Panglima Tentera Darat dan Panglima Armada Barat berpuas hati dengan taklimat lokasi SJR

LUMUT, 20 Apr - Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah bin Hj Mohd Nawawi turun padang ke Pangkalan TLDM Lumut bagi melaksanakan tinjauan ke lokasi Sekatan Jalan Raya (SJR) OP PENAWAR Siri 1/20 di Sektor Daerah Manjung.

Panglima Tentera Darat yang hadir menaiki helikopter Agusta milik Tentera Darat disambut baik oleh Panglima Armada Barat di Markas Udara TLDM sebelum dibawa ke dua lokasi SJR di Changkat Chermin dan Shell Lumut. Lawatan kerja sehari ini bertujuan memantau kelancaran operasi dan melihat dengan lebih dekat penugasan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memasuki Fasa Ketiga bermula 15 hingga 28 Apr 20.

Lawatan ini turut disertai oleh Panglima Medan Barat TD, Lt Jen Dato' Mohd Nazri bin Hj Mami, Panglima Logistik TD, Lt Jen Dato' Hanafiah bin Jaafar, AKS Sumber Manusia TD, Mejar Jeneral Dato' Badrul Hisham bin Muhammad dan Pengarah Seketeriat TD, Kol Samsul Rizal bin Musa.

Selain meninggalkan nota yang menyuntik semangat kepada petugas barisan hadapan SJR, Panglima Tentera Darat turut mendengar taklimat perkembangan terkini tentang statistik pergerakan kenderaan selain turut meluangkan masa beramah mesra dengan petugas SJR bagi mendapatkan input dan memberikan kata-kata semangat kepada setiap petugas. Beliau turut menyerahkan sumbangan kepada petugas SJR sebagai penghargaan ke atas pengorbanan masa dan tenaga yang dicurahkan.

Sesungguhnya, lawatan ini nyata memberi impak positif kepada petugas selain turut mencerminkan sikap prihatin kepimpinan tertinggi kepada petugas.

Sumber : Bahagian Komunikasi Strategik MPAB

Artikel : P/BM TNL Norazi bin Ismail

Foto : LK PAP An Nur Ehsan @ Zahir bin Almonsani

LAWATAN KESEDARAN KE PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK (PUSPEN) JELEBU



Perkongsian pengalaman oleh klien PUSPEN Jelebu dan pernah bekerja dengan TLDM

JELEBU, 8 Okt - Seramai 29 pegawai dan anggota menyertai lawatan kesedaran ke Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) Jelebu, Negeri Sembilan anjuran Bahagian Provos Tentera Laut (PROTELA) Markas Tentera Laut yang diketuai oleh Kept Farizan bin Hussain TLDM, Marsyal Provos Tentera Laut. Lawatan ini merupakan salah satu program aktiviti Pelan Tindakan Antidadah melibatkan Jawatankuasa Kecil Antidadah (JKKAD) peringkat Markas Tentera Laut.

Tujuan lawatan ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan pegawai dan anggota serta mengetahui dengan lebih mendalam punca utama penglibatan seseorang itu dalam aktiviti penyalahgunaan dadah oleh klien PUSPEN dan cara mengatasinya.

Ketibaan para peserta di sambut oleh Puan Hajjah Norazlin binti Harun, Timbalan Pengarah PUSPEN Jelebu. Setiap peserta yang hadir telah diambil bacaan suhu badan dan wajib mengikut Standard Operation Procedure (SOP) sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan peserta juga diberikan taklimat keselamatan oleh pegawai bertugas.

Acara dimulakan dengan ucapan oleh Timbalan Pengarah PUSPEN. Seterusnya, penerangan tentang tugas-tugas utama PUSPEN oleh En Dafee bin Mohd Zainal, Penolong Pegawai Antidadah. Acara diteruskan dengan sesi perkongsian oleh dua klien PUSPEN. Kedua-dua klien sebelum ini pernah bekerja dengan TLDM sebelum terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Terselit nasihat yang penuh makna oleh klien bekas anggota TLDM. “Jika diingat kehidupan lalu, ia amat mengecewakan sehingga terpaksa berhenti dari perkhidmatan kerana kesalahan penyalahgunaan dadah. Walaupun berhenti sekejap, tetapi keinginan atas ‘benda itu’ menyebabkan saya terus terjebak dan hilang pertimbangan. Semua duit pampasan semasa berkhidmat dihabiskan semata-mata untuk membeli dadah sahaja” kata Mohd (bukan nama sebenar).

Usai perkongsian, peserta dibawa melawat ke sekitar kawasan pentadbiran PUSPEN. Lawatan kali ini terpaksa dihadkan berikutan peningkatan kes Covid-19. Tinjauan ke PUSPEN ini mendapati pelbagai aktiviti diadakan termasuk sesi motivasi, ceramah agama, kaedah rawatan, psikologi dan kerja-kerja kemahiran. Sebelum pulang, peserta dibawa ke kilang kek PUSPEN untuk melihat klien melakukan kerja-kerja membuat kek dan pastri berasaskan buah nenas. Para peserta juga tidak melepaskan peluang membeli kek dan makanan yang dijual.

Diharap, lawatan seperti ini dapat diteruskan lagi di masa hadapan bagi memberi kesedaran kepada warga Navy People tentang bahayanya penyalahgunaan dadah.

Sumber: Bahagian PROTELA, Markas Tentera Laut

Artikel : Lt Ahmad Muslihin bin Mohamad Umbaidah TLDM

Foto : LK PRL Mohd Faisa bin Mama

LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE PLKS CETUS MINAT WARGA DSAT SERTAI ANGKATAN KAPAL SELAM



Tanda Kenangan. Pegawai Memerintah DSAT menyampaikan cenderahati kepada Pegawai Laksana PLKS

TELUK SEPANGGAR, 13 Ogos – Pusat Latihan Kapal Selam (PLKS) merupakan satu-satunya unit yang memiliki simulator Kapal Selam Scorpene di dunia. Justeru, Depot Senggara Armada Timur (DSAT) tidak ketinggalan mengambil peluang dengan menganjurkan lawatan sambil belajar ke PLKS bertujuan memberi pendedahan kepada warganya tentang kehidupan sebenar warga kapal selam semasa di darat dan ketika beroperasi di laut.

Lawatan sambil belajar selama tiga hari bermula dari 11 hingga 13 Ogos 20 ini disertai oleh 60 peserta secara keseluruhan. Penyertaan peserta di setiap simulator dilaksanakan secara penggiliran mengikut Standard Operating Procedure (SOP) seperti disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia yang mana tidak menggalakkan anggota untuk bersesak di tempat yang sempit dalam satu masa. Pegawai Memerintah DSAT, Kdr Azmin Zar bin Abd Rashid TLDM turut meluangkan masa menyertai lawatan bersama peserta pada hari terakhir.

Dalam taklimat ringkas di setiap simulator, jurulatih yang berkepakaran serta berpengalaman telah menunjukkan demonstrasi pengendalian simulator di samping

berkongsi ilmu pengetahuan berkenaan modul-modul latihan yang dilaksanakan di PLKS. Mereka turut memberi penerangan berkenaan cabaran dan langkah keselamatan bagi anggota kapal selam apabila menghadapi situasi kecemasan di dalam kapal.

Lawatan ini dilihat dapat mencapai objektifnya di mana selain warga DSAT memperolehi ilmu, ia turut menyuntik minat warganya yang bercita-cita untuk menjadi sebahagian daripada keluarga angkatan kapal selam.

Sumber : Bahagian Komunikasi Strategik MPA Timur

Artikel : Lt Kdr Chin a/l In TLDM

Foto : Lt Dya Bismi Arif bin Mohd Razif TLDM

LAWATAN ULUNG MENTERI PERTAHANAN KE MARKAS TENTERA LAUT



Panglima Tentera Laut dan Menteri Pertahanan bersama delegasi

KUALA LUMPUR, 30 Mac - Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob hari ini melawat Markas Tentera Laut buat pertama kali sejak memegang jawatan sebagai Menteri Pertahanan.

Kehadiran beliau telah disambut Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany dan Timbalan Panglima Tentera Laut, Dato' Abdul Rahman bin Ayub. Turut mengiringi beliau adalah Timbalan Menteri Pertahanan Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Muez bin Abd Aziz dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Affendi bin Buang TUDM.

Taklimat Eksekutif Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kepada Menteri Pertahanan dan delegasi telah disampaikan oleh Asisten Ketua Staf Perancangan Pembangunan, Laksda Dato' Zulhelmy bin Ithnain. Taklimat itu merangkumi peranan dan tanggungjawab TLDM sebagai salah satu komponen pertahanan negara serta inisiatif 15-ke-5 yang menjadi fokus utama bagi memastikan setiap aset TLDM mampu beroperasi dan berada di tahap yang terbaik.

Dalam kunjungan singkat ini, Laksamana Tan Sri Mohd Reza juga berkesempatan menerangkan kepada delegasi Menteri tentang kemampuan dan kesiagaan TLDM dalam melaksanakan operasi.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik Markas Tentera Laut

LAWATAN ULUNG PANGLIMA ARMADA TIMUR KE MARKAS WILAYAH LAUT 2



Panglima Armada Timur bersama warga Navy People MAWILLA 2

SANDAKAN, 29 Jan – Panglima Armada Timur (PA Timur), Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Pahlawan Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah telah melaksanakan Lawatan Ulung ke Markas Wilayah Laut 2 dari 27 Jan hingga 29 Jan 20. Lawatan ini adalah bertujuan bagi memberikan maklumat dan gambaran yang lebih jelas terhadap perkara berkaitan pentadbiran, operasi dan struktur MAWILLA 2 dan unit-unit di bawah naungan.

Sejak mengambil alih tampuk pemerintahan Armada Timur mulai 15 Oktober 2019 yang lalu, ini merupakan lawatan rasmi yang pertama YBhg Laksmdya Dato' Pahlawan Syed Zahrul Putra ke MAWILLA 2 serta unit-unit naungan yang terdapat di Pantai Timur Sabah. Dalam rangka kerja lawatan ini, YBhg PA Timur telah mengambil peluang untuk melawat ke sekitar Pangkalan TLDM Sandakan, RKTLDM Taman Samudera serta beberapa bangunan fasiliti yang terdapat di sini. Di samping dapat melihat sendiri keadaan dan suasana di Pangkalan TLDM Sandakan, lawatan yang dilaksanakan ini turut menjadi medan bagi pihak MAWILLA 2 untuk membentangkan rencana pembangunan yang sedang dijalankan serta yang masih di dalam perancangan.

MAWILLA 2 telah beroperasi secara rasmi di Pangkalan TLDM Sandakan pada 30 Ogos 2017, dan sejak itu telah banyak pembaharuan dan penambahbaikan yang dilaksanakan dari aspek keupayaan operasi, pentadbiran, Rumah Keluarga (RK), serta beberapa kemudahan asas yang lain bagi menampung keperluan semasa

yang juga sesuai dengan fungsinya sebagai sebuah Markas yang lebih besar daripada sebuah unit sokongan sahaja.

Dalam rangka lawatan 3 hari ini, YBhg PA Timur turut mengambil peluang untuk menghadiri sesi ramah mesra bersama warga Navy People Sandakan. Di samping sebagai medium mendekati dan mengenali warga Navy People di MAWILLA 2 dan unit naungan, sesi ramah mesra ini juga turut digunakan untuk YBhg PA Timur menyampaikan amanat dan pesannya kepada seluruh warga Navy People Sandakan untuk terus memberikan komitmen yang tinggi dalam pelaksanaan tugas seharian. Di samping menyentuh perkara berkaitan operasi dan kesejahteraan di MAWILLA 2, YBhg PA Timur juga turut menasihati hadirin untuk menjauhi sebarang kelakuan yang menyalahi undang-undang perkhidmatan seperti kejadian buli atau manhandling. Beliau turut menegaskan tidak akan bertoleransi kepada sesiapa sahaja warga Markas Armada Timur dan unit-unit di bawah naungan yang didapati bersalah terlibat dengan kesalahan terbabit.

Usai program di MAWILLA 2, YBhg Laksamana Madya Dato' Pahlawan Syed Zahrul Putra telah meneruskan rangka lawatan beliau ke KD SRI TAWAU.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : LK TLR Ahmad Shukri bin Samad

LAWATAN ULUNG PANGLIMA TENTERA LAUT KE UNIT PENGAWASAN SENGGARA TLDM TIMUR DAN PSTL LABUAN



Panglima Tentera Laut bersama delegasi bergambar di hadapan bangunan UPS TLDM Timur

LABUAN, 4 Jul – Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany diiringi oleh Panglima Armada Timur (PA Timur), Laksamana Madya Dato' Pahlawan Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah dan Panglima Logistik Timur (PANGLOG Timur), Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Affenddy bin Suhaimi telah melaksanakan Lawatan Ulung ke Unit Pengawasan Senggara TLDM Timur (UPS TLDM Timur) dan PSTL Labuan.

Ketibaan YBhg PTL di Pangkalan Udara Labuan telah disambut oleh Timbalan Panglima Logistik Timur - Kept Abd Razak bin Ahmad TLDM, PM UPS TLDM Timur, PM KD SELANGOR dan PM KD SERANG. Lawatan ini adalah bertujuan bagi melihat status senggaraan kapal dan melihat gambaran yang lebih jelas terhadap struktur Pangkalan TLDM Labuan.

Acara lawatan ini telah bermula di UPS TLDM Timur dengan Kawalan Kehormatan Kuarter dan taklimat oleh PM UPS TLDM Timur, Kdr Ir. Dr. Arman bin Ariffin TLDM. Seterusnya sesi bergambar dan lawatan di sekitar kawasan Pangkalan TLDM Labuan serta beberapa bangunan fasiliti yang terdapat di sini. Delegasi YBhg PTL kemudiannya dibawa melawat ke KD SELANGOR yang sedang menjalani Rutin Pasang Pulih di Labuan Shipyard and Engineering Sdn. Bhd. (LSE). Sebelum

lawatan bermula, pihak limbungan telah mengadakan taklimat keselamatan dan seterusnya meninjau tahap selenggaraan kapal yang telah dilaksanakan oleh pihak limbungan.

Mengakhiri lawatan, YBhg PTL dan delegasi turut melawat KD SERANG yang juga sedang menjalani Rutin Pasang Pulih di Preston Shipyard Sdn. Bhd. dan meninjau kerja-kerja senggaraan kapal di limbungan.

Sumber : UPS TLDM Timur

Artikel : Lt Dya Mohd Amirul Fadly bin Jaunidi TLDM

Foto : PW U II Mohamad Khairul Redzuan bin Nyan

MAJLIS MERAIKAN SAUDARA BARU



Anggota saudara baru mengucapkan kalimah syahadah di hadapan ustaz

SEMPORNA, 19 Feb – Satu majlis bagi meraikan saudara baru telah diadakan di Surau Uthman Ibnu Affan, KD Sri Semporna pada jam 1300H. Majlis ini telah dipimpin oleh staf agama KAGAT, SSjn Azizi bin Othman yang dimulai dengan kata-kata aluan seterusnya pengucapan lafaz dua kalimah syahadah oleh saudara baru. Seramai 50 termasuk pegawai, anggota dan warga KDSM yang beragama Islam telah menghadiri majlis bersejarah ini.

Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Pegawai Memerintah KD Sri Semporna, Kepten Ahmad Nazree Bin Abu Hassan TLDM.

Majlis ini diadakan adalah bertujuan bagi meraikan saudara baru kita yang telah kembali kepada agama Islam khususnya, disamping mengeratkan lagi silaturahim antara warga KDSM. Tambahan itu, majlis ini juga dapat mengekspresikan seluruh rasa kesyukuran kita sebagai hamba kepada pencipta yang Maha Agung, Allah SWT yang telah mengurniakan hidayah kepada hamba-Nya yang terpilih.

Majlis ini turut mendoakan kesejahteraan warga KDSM seluruhnya semoga dapat membimbing saudara baru kita sebaiknya seterusnya meneruskan perjuangan dalam perkhidmatan ini berpaksikan Al-Quran dan As-Sunnah dengan sebaik mungkin demi menjaga nama baik agama, bangsa dan negara.

Sumber : Pejabat Perhubungan Raya – KD SRI SEMPORNA

Artikel : PBT Nur Hidayah binti Mat Zapin

Foto : LK PAP (PKL) Burhan bin Samsu

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA PSTL KUCHING

Anggota yang dinaikkan pangkat bersama Pegawai Memerintah RNO Kuching

KUCHING, 24 Jan – Pegawai Memerintah, Leftenan Komander Nurul Azmin Bin Kamaruddin TLDM telah menyempurnakan upacara pemakaian pangkat dari Laskar Kanan ke Bintara Muda bagi tiga orang anggota hari ini. Majlis telah dilaksanakan secara berasingan setelah Perbarisan Pegawai Memerintah berlangsung.

Senarai anggota yang telah menerima kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

1. Bintara Muda PNK Marlina Binti Bolki
2. Bintara Muda PNK Amran Khan Bin Bohari Khan
3. Bintara Muda PAP Mohd. Zaimi Bin Bohari

Dalam majlis tersebut, Pegawai Memerintah turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada warga yang telah dinaikkan pangkat. Beliau turut menyeru warga agar terus berusaha dan bersama mengembleng tenaga agar Hasrat dan matlamat kepimpinan TLDM dapat dicapai.

Pegawai Memerintah juga turut mengimbas kembali segala pencapaian dan kejayaan yang telah dikecapi sepanjang tahun 2019 dan berharap semua warga terus komited untuk memberikan yang terbaik bagi segala program yang telah dirancang sepanjang tahun 2020.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : PKK Syful Mirza bin Alluwie

Foto : LK I TLR Strikalai Mannan a/l Sitriram

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN PENGHARGAAN WARGA KD SRI SEMPORNA



Pegawai Memerintah KDSM menyempurnakan pemakaian pangkat anggota

SEMPORNA, 20 Nov – Majlis pemakaian pangkat dan penghargaan warga KD SRI SEMPORNA (KDSM) telah dilaksanakan dengan jayanya dengan kehadiran anggota yang dirai dan beberapa pegawai sahaja. Ini adalah untuk memastikan warganya mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Pegawai Memerintah, Kept Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM telah berbesar hati menyempurnakan majlis pemakaian pangkat kepada anggota yang terlibat. Seramai 18 warga KDSM telah dinaikkan pangkat iaitu 1 x Pegawai Waran II, 1 x Bintara Kanan, 7 x Bintara Muda dan 9 x Laskar Kanan.

Selain itu, majlis turut diserikan lagi dengan penyampaian cendera kenangan kepada anggota yang akan menamatkan perkhidmatan dan kelahiran anak. Dalam ucapan, beliau menegaskan tentang peranan Bintara yang penting sehingga diibaratkan sebagai Tulang Belakang TLDM. Beliau juga menyeru agar anggota sentiasa mencabar diri untuk melakukan yang terbaik dalam pelaksanaan tugas.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada yang dinaikkan pangkat. Semoga pangkat baharu yang diterima menjadi penyuntik semangat untuk lebih berjaya di dalam TLDM.

Sumber : Pejabat Perhubungan Raya – KD SRI SEMPORNA

Artikel : Pegawai Perhubungan Raya KDSM

Foto : LK TLR Ahmad Zaki bin Rail

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI DAN ANGGOTA KD SRI SEMPORNA



Kepten Ahmad Nazree menyempurnakan pemakaian pangkat warga KDSM

SEMPORNA, 14 April – Berlangsung satu Majlis Pemakaian Pangkat bagi Pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di padang kawad KD SRI SEMPORNA. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg Pegawai Memerintah iaitu Kepten Ahmad Nazree bin Abu Hassan TLDM.

Senarai pegawai dan anggota LLP yang telah dinaikkan pangkat adalah seperti berikut:

Lt Dya TLDM ke Lt TLDM:

Lt Dya Nor Shadilah binti Saidan TLDM N/405454

Lt Dya Amir Bush bin Amir TLDM N/405492

Bintara Muda ke Bintara Kanan:

3. 827229 BM PAP (PKL) Amrin bin Abdul Hakim

Laskar Kanan ke Bintara Muda:

828092 LK PAP (GI) (PKL) Zulkefli bin Mohd @ Kamaruddin

829360 LK PWP Kamaruddin bin Kalik

Majlis turut menyaksikan warga pangkalan yang hadir telah memakai topeng muka dan mengamalkan penjarakkan sosial sebagaimana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia demi mencegah penularan wabak COVID-19. Secara kesimpulannya, majlis berjalan dengan lancar dan telah diakhiri dengan bacaan doa oleh Lt Amir Bush bin Amir TLDM.

Sumber : Pejabat Perhubungan Raya – KD SRI SEMPORNA

Artikel : Lt Amir Bush bn Amir TLDM

Foto : LK TLR Ahmad Zaki bin Rail

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI PSSTLDM

Pemakaian Pangkat pegawai PSSTLDM

KUCHING, 24 Okt – Pegawai Wakil Tentera Laut Kuching, Lt Mohd Ismail Bin Yakub TLDM menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai PSSTLDM hari ini. Majlis ringkas penuh bermakna ini turut diserikan dengan kehadiran kedua ibu bapa pegawai yang dirai, Penguasa Kastam Ismail Bin Roslan sebagai wakil majikan pegawai yang dirai dan disaksikan oleh seluruh warga Navy People PWTL Kuching.

Majlis seumpama merupakan salah satu pengiktirafan kepada warga terhadap perkhidmatan yang disumbangkan. Pegawai yang menerima kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

Pegawai Kadet Kanan ke Leftenan Muda PSSTLDM

1. Lt M Syful Mirza Bin Alluwie PSSTLDM - Cawangan Bekalan

Majlis dilaksanakan secara berasingan dengan majlis sebelum ini kerana pegawai baru sahaja selesai menjalani kuarantin wajib selama 14 hari.

Dalam ucapan ringkas, PWTL Kuching mengucapkan syabas dan tahniah kepada pegawai yang telah dinaikkan pangkat serta menzahirkan keterujaan beliau di mana selain berkhidmat sebagai Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia, pegawai yang dirai juga bertugas dalam badan beruniform awam di Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Perkara yang jarang berlaku sebegini

menunjukkan minat yang dipertunjukkan oleh pegawai sangat mendalam di samping ingin mencuba sesuatu kelainan.

Beliau turut menyeru warga agar terus berusaha dan bersama mengembeleng tenaga agar hasrat dan matlamat TLDM dapat dicapai dengan optimum. Tanpa komitmen dan kesungguhan yang padu ianya bukanlah satu perkara yang mudah.

Sebelum mengakhiri ucapan, PWTL Kuching merakamkan setinggi penghargaan kepada tetamu jemputan, Penguasa Kastam Ismail bin Roslan dan kedua ibu bapa pegawai yang dirai kerana sudi hadir untuk memeriahkan majlis.

Perjalanan majlis telah diadakan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard seperti yang digariskan oleh Majlis Keselamatan Negara sepenuhnya bagi mengelak penularan wabak COVID-19.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : LT M Syful Mirza bin Alluwie PSSTLDM

Foto : LK PNK Ajariah binti Uma

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT WARGA MAWILLA 1

PANGWILLA 1 bersama anggota-anggota yang dinaikkan pangkat

KUANTAN, 16 Nov - Panglima Wilayah Laut 1, YBhg Laksamana Muda Mohd Hatim bin Saad menyempurnakan pemakaian pangkat kepada 46 warga Navy People MAWILLA 1 hari ini dalam satu majlis yang sederhana tetapi penuh bermakna. Majlis ini telah diadakan di Auditorium Al-Haimi, Pangkalan TLDM Tg Gelang Kuantan bersempena dengan kenaikan tersebut.

Seramai 5 orang Pegawai Waran II telah dinaikkan ke pangkat Pegawai Waran I (PW I), 6 orang Bintara Kanan ke Pegawai Waran II (PW II), 7 orang Bintara Muda ke Bintara Kanan (BK) 14 orang Laskar Kanan ke Bintara Muda (BM) dan 14 orang Laskar Kelas I dinaikkan ke pangkat Laskar Kanan (LK).

PANGWILLA 1 mengucapkan tahniah kepada semua yang telah dinaikkan pangkat. Pangkat yang disandang turut datang dengan tanggungjawab terhadap kepimpinan dan dipimpin. A manager turn into a leader. Martabatkan pangkat yang disandang dengan amanah. PANGWILLA 1 turut menekankan berkaitan ketaatan dan kesetiaan, hormat-menghormati, tanggungjawab, intergriti dan pegangan kepada nilai-nilai murni.

Sumber : Komunikasi Strategik MAWILLA 1

Artikel : PW II TNL Ahmad Hafiz bin Yahya

Foto : LK PBS Mohd Shahfulnizam bin Abu Kasim

MAJLIS PERISYTIHARAN SOLAT JUMAAT MASJID AN-NUR PANGKALAN TLDM LUMUT



Perkongsian. Sahibus Saadah Dato' Hj As'ad bin Awang sempat menyampaikan tausiyah kepada jemaah yang hadir

LUMUT, 17 Jul - Markas Pangkalan Lumut telah menganjurkan Majlis Perisytiharan Solat Jumaat di Masjid An-Nur, Pangkalan TLDM Lumut setelah ditangguhkan sementara waktu kerana kerja naik taraf dan baik pulih. Majlis perisytiharan telah disempurnakan oleh Sahibus Saadah Dato' Hj As'ad bin Awang, Ahli Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak Merangkap Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.

Majlis turut dihadiri Yang Di Hormati Toh Seri Bijaya Lt Kol (B) Dato' Shahrudin bin Hj Nazari, Orang Besar Jajahan Manjung dan Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah, Panglima Armada Barat Merangkap Penaung Masjid An-Nur. Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Jawatankuasa Laksamana (JLAKS) Lumut, Ketua-ketua jabatan sekitar Lumut dan warga Navy People Pangkalan TLDM Lumut.

Majlis dimulai dengan ucapan alu-aluan oleh YBhg Laksma Dato' Anuar Bin Hj Alias Pengerusi Masjid An-Nur. Dalam ucapan beliau menyatakan kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf masjid ini telah bermula sejak 27 disember 2016 dan siap pada 30 jun 2020 dengan menelan belanja RM 7.8 juta. Kerja naik taraf ini melibatkan penambahan pada ruang solat di bahagian kiri dan kanan tingkat atas

masjid, yang dapat menampung kapasiti jemaah dari 2500 orang kepada 3500 orang.

Seusai ucapan Pengerusi Masjid, majlis diteruskan dengan Peristiharan Solat Jumaat oleh Sahibus Saadah Dato' Hj As'ad bin Awang dan sebelum itu beliau telah menyampaikan tausiyah sebagai perkongsian tazkirah kepada para hadirin. Majlis diteruskan dengan Solat Jumaat dan khatib serta Imam Solat Jumaat pada hari tersebut telah dipimpin oleh Kol Ku Ibrahim Najib bin Ku Mohamad, Pengarah Agama Markas Tentera Laut.

Selesai Solat Jumaat, para tetamu jemputan beredar ke Wisma Samudera untuk majlis makan tengahari dan penyampaian cenderahati kenangan.

Sumber : Pejabat IT Mk PL

MAJLIS RAMAH MESRA WARGA MAWILLA 1 BERSAMA MENTERI BESAR PAHANG



Warga Navy People MAWILLA 1 bergambar bersama Menteri Besar Pahang

KUANTAN, 21 Jan – Warga Navy People hari ini berbesar hati menerima kehadiran Menteri Besar Pahang, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail yang julung-julung kalinya menjejaskan kaki ke Kompleks Perumahan TLDM Balok Perdana setelah mengambil alih tugas secara rasmi sebagai Menteri Besar Pahang bermula 15 Mei 2018.

Ketibaan beliau telah disambut oleh Panglima Wilayah Laut 1 (PANGWILLA 1), Laksamana Muda Abu Bakar bin Mohd Ajis bersama pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai memerintah yang berkhidmat di Pangkalan TLDM Tanjung Gelang.

Beliau dibawa masuk ke Auditorium Tun Abdul Razak (TAR) untuk berjumpa dan beramah mesra bersama warga MAWILLA 1. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh PANGWILLA 1 dan seterusnya ucapan oleh YAB Menteri Besar Pahang.

Sumber : Komunikasi Strategik MAWILLA 1

Foto : LK PBS Shahfulnizam bin Abu Kasim / LK PAP Saiful Bin Ahmad Nasir

MAJLIS REQUEST PLEASURE OF YOUR COMPANY (RPC) BERSAMA AHLI-AHLI KELAB BINTARA MARKAS TENTERA LAUT



KUALA LUMPUR, 29 Sep - Majlis Request Pleasure of Your Company (RPC) bersama ahli-ahli kelab bintang Markas Tentera Laut telah berjaya dilaksanakan bertempat di Dewan tertutup KD Sri Gombak.

Ia merupakan upacara yang diadakan julung-julung kalinya bagi memperkenalkan barisan AJK sesi 20/21. Tahniah diucapkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Kelab Bintara Markas Tentera Laut Sesi 20/21 yang telah dilantik. Semoga barisan AJK sesi 20/21 dapat memberi komitmen dengan semangat kerjasama diantara satu sama lain. Sentiasa berpandangan positif dalam melaksanakan amanah serta berkepimpinan yang berwibawa.

Rujukan : 300920/01

Sumber : Kelab Bintara Markas Tentera Laut

Artikel : BM TLR Adik Muhammad Fikri bin Mohd Noh

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS ASISTEN MARSYAL PROVOS

Simbolik penyerahan tongkat disaksikan oleh Laksma Khir Junaidi bin Idris

LUMUT, 5 Feb - Majlis Serah Terima Tugas Asisten Marsyal Provos (AMP) telah dilaksanakan bertempat di Serambi Provos Tentera Laut (PROTELA) Lumut. Majlis telah disaksikan oleh Komander Pangkalan Lumut (KOMPAL), Yang Berbahagia Laksamana Pertama Khir Junaidi bin Idris. Setibanya KOMPAL di Bangunan Pentadbiran PROTELA Lumut, beliau telah disambut mesra oleh Komander (Kdr) Farizan bin Hussain TLDM serta tetamu jemputan. Sejurus ketibaan, KOMPAL kemudiannya menandatangani buku pelawat memandangkan ini merupakan lawatan rasmi beliau yang pertama ke unit ini.

Majlis Serah Terima Tugas dimulai dengan pelaporan untuk meneruskan acara di Serambi PROTELA Lumut. Majlis yang dimeriahkan dengan kehadiran warga PROTELA Lumut ini dimulakan dengan upacara menandatangani Sijil Serah Terima Tugas yang disaksikan oleh KOMPAL.

Selesai upacara tersebut, majlis diteruskan dengan penyerahan Sijil Serah Terima Tugas antara Kdr Farizan bin Hussain TLDM dan Lt Kdr Zuraimi bin Mokhtar TLDM selaku Pemangku Asisten Marsyal Provos. Upacara menurun dan menaikkan insignia Pemerintah pula disempurnakan oleh KOMPAL dan simbolik penyerahan tongkat dilaksanakan selepas upacara tersebut.

Dikesempatan ini juga, KOMPAL turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kdr Farizan TLDM yang telah menjawat jawatan sebagai AMP selama 2 tahun 2 bulan

dan 12 hari manakala mengharapkan agar Lt Kdr Zuraimi TLDM dapat memberikan komitmen yang tinggi sepanjang memangku tugas.

Selain itu, KOMPAL juga turut menyampaikan sumbangan daripada Markas Pangkalan Lumut kepada anggota PROTELA Lumut iaitu LK PAP Asrol bin Sabri yang mana rumah ibu bapanya terbakar.

Sumber : PEJABAT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Artikel : LK PBS Kamarulzaman Bin Darus

Foto : LK PBS Kamarulzaman Bin Daru

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS PANGWILLA 1



Simbolik penyerahan pemerintahan disaksikan oleh Panglima Armada Barat

KUANTAN, 26 Jun – Markas Wilayah Laut 1 (MAWILLA 1) telah melaksanakan Majlis Serah Terima Tugas Panglima Wilayah Laut 1 yang berlangsung di Auditorium Sharif, KD SULTAN ISMAIL (KDSI), Tanjung Pengelih, Johor. Majlis telah disaksikan oleh Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah, Panglima Armada Barat.

Ketibaan Panglima Armada Barat, Laksamana Madya Dato' Aris Adi Tan bin Abdullah telah disambut oleh Panglima Wilayah Laut 1, Laksamana Muda Abu Bakar bin Mohd Ajis, dan Laksamana Muda Mohd Hatim bin Saad. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku dan Samudera Raya. Majlis diteruskan dengan upacara serah terima tugas Panglima Wilayah Laut 1 di antara Laksamana Muda Abu Bakar bin Mohd Ajis dan Laksamana Muda Mohd Hatim bin Saad sebagai Panglima Wilayah Laut 1. Selain itu majlis ini turut menyaksikan acara penyerahan Pengerusi BAKAT (L) MAWILLA 1 di antara Puan Mazuiyah binti Mohd Dom dan Puan Sarinah binti Osman. Majlis ini turut dihadiri oleh pengerusi BAKAT (L) Armada Barat, Datin Noorul Badriah binti Hj Mohd Said. Majlis serah menyerahkan tugas diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Ybhg Panglima Wilayah Laut 1 yang baharu. dan sesi bergambar bersama Panglima Armada Barat dan Kesemua Pegawai Memerintah Kapal dan Unit MAWILLA 1.

Sumber : Komunikasi Strategik MAWILLA 1

Artikel : Lt Muhamad Naim bin Zainol Abidin TLDM

Foto : LK PBS Shahfulnizam bin Abu Kasi

MALACCA STRAIT PATROL EXERCISE 2020

Eksesais kali ini dilaksanakan dengan norma baharu berikutan dengan wabak COVID-19

SINGAPURA, 26 Jun - Baru-baru ini telah berlangsungnya Malacca Strait Patrol (MSP) Exercise 2020 mulai 23 hingga 25 Jun 20. Eksesais telah dilaksanakan secara Command Post Exercise (CPX) iaitu esesais atas talian sepenuhnya menggunakan IFC Real-time Information-sharing System (IRIS) di antara Markas Pemerintahan Armada Barat di Lumut, Information Fusion Centre (IFC) di Singapura, Naval Area Command 3 (NAC3) Centre di Thailand dan Gugus Tempur Laut 1 di Jakarta, Indonesia.

Eksesais ini dilaksanakan untuk mengaplikasikan perkongsian maklumat di antara Pusat Operasi berlandaskan MSP Standard Operating Procedure, mewujudkan elemen sense making dan tindakan susulan dalam menangani situasi semasa ancaman keselamatan maritim di Selat Melaka dan Selat Singapura serta meningkatkan kemahiran penggunaan IRIS yang merupakan portal untuk perkongsian maklumat MSP.

Sebanyak 13 senario telah diuji cuba melibatkan pelbagai perspektif keselamatan maritim yang berlaku di perairan Selat Melaka dan Selat Singapura. Ia termasuklah 7 kejadian Sea Robbery/ Sea Theft, 1 Maritime Incident, 1 Illegal Unregulated Unregistered Fishing, 2 Illegal Human Migrations, 1 Contraband Smuggling dan 1 kejadian berkaitan keselamatan alam sekitar. Kesemua senario yang disimulasikan

adalah berdasarkan rekod-rekod kejadian sebenar dan trend ancaman keselamatan maritim semasa.

Inisiatif MSP merupakan kerjasama ketenteraan strategik di antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand yang memberi fokus terhadap keselamatan maritim di perairan Selat Melaka dan Selat Singapura. Di bawah inisiatif ini, 3 kumpulan kerja diwujudkan iaitu Malacca Strait Sea Patrol (MSSP), Intelligence Exchange Group (IEG) dan Eye in The Sky (EiS).

Selain pegawai perantara di IFC, penglibatan ATM khususnya TLDM dalam eksekusi kali ini termasuk Tim MSSP di Pusat Operasi Markas Pemerintahan Armada Barat, Tim IEG di Markas Angkatan Bersama, Cawangan Perisikan Laut, serta pemerhati daripada Bahagian Operasi dan Latihan Pertahanan.

Secara keseluruhannya, eksekusi telah dilaksanakan dengan jayanya walaupun rantau ini masih lagi berhadapan cabaran kerja dengan norma baharu berikutan pandemik COVID-19. Setiap Pusat Operasi dan peserta yang terlibat dapat menggunakan IRIS dengan baik, respon dan maklum balas tindakan di lapangan adalah lancar dan perkongsian maklumat dapat dilaksanakan dengan berkesan di antara keempat-empat negara.

Keselamatan maritim di perairan Selat Melaka adalah kritikal kepada kestabilan maritim di rantau ini terutama dalam menyokong kelangsungan industri perkapalan dan perdagangan maritim antarabangsa. Justeru, komitmen dan kerjasama MSP perlu diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa bersesuaian dengan trend ancaman yang dinamik dan semakin kompleks.

Sumber : Information Fusion Centre, Singapura

Artikel : Lt Kdr Muhammed Syaifful Hanif bin Jamaludin TLDM

Foto : IF

MALAYSIA PRIHATIN KDSM PEOPLE ZAHIR SEMANGAT KEMERDEKAAN



Merdeka 63. Warga KDSM mengibar Jalur Gemilang di puncak Bukit Tengkorak

SEMPORNA, 1 Sep – Dengan bertemakan Malaysia Prihatin, warga KD SRI SEMPORNA (KDSM) tidak terlepas dari menzahirkan rasa kecintaan kepada negara dengan melaksanakan beberapa aktiviti bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan ke-63 yang disambut pada 31 Ogos saban tahun. Sepanjang bulan Ogos 2020, warga KDSM telah melibatkan diri di dalam beberapa program bersempena dengan bulan kemerdekaan.

Antara program dan aktiviti yang telah dilaksanakan warga KDSM dalam menyemarakkan semangat cintakan negara ini adalah seperti:

Program Merdeka @ Komuniti Daerah Semporna.

Pop Kuiz Merdeka.

Pendakian Bukit Tengkorak.

Kempen Derma Darah.

Secara kesimpulannya, kesemua program telah berlangsung dengan jayanya dan dilihat memberi impak positif di dalam menyemarakkan semangat patriotisma dan cintakan negara. Diharapkan program-program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang.

“SELAMAT HARI KEMERDEKAAN KE-63, MALAYSIA PRIHATIN”

Sumber : Pejabat Perhubungan Raya – KD SRI SEMPORNA

Artikel : Lt Dya Dhiya' Wathiq binti Johari TLDM

Foto : LK TLR Ahmad Zaki bin Rail

MARKAS WILAYAH LAUT 2 TERIMA PANGLIMA BAHARU

Laksdya Dato' Sabri bin Zali menyerahkan Sijil Serah Terima Tugas kepada PANGWILLA 2 yang baharu

SANDAKAN, 11 Dis – Peralihan tampuk kepimpinan Markas Wilayah Laut 2 (MAWILLA 2) telah disempurnakan secara rasmi hari ini. Detik bersejarah bagi warga MAWILLA 2 menyaksikan YBhg Laksamana Madya Dato' Sabri bin Zali secara rasminya menyerahkan jawatan Panglima Wilayah Laut 2 (PANGWILLA 2) kepada YBhg Laksamana Muda Rusli bin Ahmad. Majlis ini telah disempurnakan di Dewan Azim, RKTLDM Taman Samudera.

Setelah hampir 2 tahun menerajui tampuk pemerintahan MAWILLA 2, YBhg Laksdya Dato' Sabri bin Zali menyerahkan kepimpinan MAWILLA 2 kepada pengganti baharu. PANGWILLA 2 yang baharu, YBhg Laksda Rusli bin Ahmad sebelum ini diperjajatkan sebagai Timbalan Panglima Armada Timur, di Markas Pemerintahan Armada Timur, Pangkalan TLDM Kota Kinabalu.

Dalam ucapan, YBhg Laksdya Dato' Sabri menyifatkan menggalas tanggungjawab sebagai PANGWILLA 2 adalah antara tugas yang paling mencabar. Beliau merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih atas khidmat bakti dan kerjasama padu semua warga MAWILLA 2 yang diberikan sepanjang menerajui MAWILLA 2. Usaha dan keringat yang didedikasikan berjaya

merialisasikan kecemerlangan yang telah dicapai oleh Markas ini serta unit-unit bawah naungan.

YBhg Laksdya Dato' Sabri yakin dengan sentuhan kepimpinan daripada PANGWILLA 2 yang baharu bersama warga MAWILLA 2, Markas ini akan menempa lebih banyak kejayaan yang akan mengharumkan nama TLDM khasnya dan ATM amnya. Beliau percaya pengalaman luas yang dimiliki YBhg Laksda Rusli pastinya akan membantu dalam aspek membuat keputusan (decision making process) kelak. YBhg Laksdya Dato' Sabri turut menyeru kepada semua warga supaya memberikan kerjasama penuh terhadap kepimpinan yang baharu ini.

YBhg Laksdya Dato' Sabri mengakhiri ucapan beliau dengan menyampaikan harapan agar warga MAWILLA 2 sentiasa bekerjasama antara satu sama lain dalam memastikan pentadbiran dan pengoperasian Markas ini dapat dilaksanakan dengan lancar. Beliau turut memperingatkan agar semua warga sentiasa mematuhi pengarahannya semasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya aspek penjarakan fizikal dan amalan kesihatan sendiri bagi membendung penularan COVID-19 yang masih belum menampakkan tanda positif terhadap kesembuhan kes sehingga kini terutamanya di negeri Sabah.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

Artikel : Lt Kdr Ahmad Fitri bin Osman TLDM

Foto : Cawangan Komunikasi Strategik MAWILLA 2

MEMPERKASAKAN PERFORMANCE BASED CONTRACT (PBC)

Kerjasama dalam interaksi awal pembangunan PBC ini perlu diteruskan untuk kebaikan bersama

PUTRAJAYA, 13 Ogos - TLDM melakar sejarah sebagai agensi kerajaan yang pertama melaksanakan Performance Based Contract (PBC). PBC tersebut adalah Kontrak Perkhidmatan Sewaan Helikopter Squirrel untuk TLDM selama 3 tahun mulai 2001 sehingga 2003. Ini disusuli dengan kontrak In-Service Support (ISS) Kapal Selam Kelas Perdana Menteri dari tahun 2010 sehingga sekarang. PBC yang terkini adalah ISS Helikopter Fennec yang berkuatkuasa mulai tahun 2020 hingga 2023.

Bagi memperluas dan memperkasakan lagi PBC di dalam TLDM, hari ini di Putrajaya, Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut telah menjalin inisiatif "learn and work together" dengan Technology Depository Agency Berhad (TDA).

TDA merupakan Pusat Rujukan PBC (Performance Based Contract Centre of Reference) bagi pelaksanaan PBC di sektor perkhidmatan awam. Inisiatif tambahan ini turut dihadiri oleh wakil Bahagian Operasi & Strategi serta Contract Management Office Markas Tentera Laut.

Inisiatif "learn and work together" bertujuan menghasilkan spesifikasi PBC bagi komponen/peralatan sesuatu aset dalam bentuk dokumen teknikal. Dokumen

teknikal tersebut akan dijadikan dokumen tender, di mana perolehan perkhidmatan perlu dilaksana secara Tender Terbuka.

Warga Navy People wajar berbangga dengan pencapaian PBC oleh TLDM di peringkat nasional. Namun, penambahbaikan berterusan perlu dilaksanakan agar TLDM terus unggul, cemerlang dan terbilang.

Sumber : Markas Tentera Laut, Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA

Barisan ahli jawatankuasa BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA 2020

SEMPORNA, 18 Feb – Saban tahun BAKAT KD SRI SEMPORNA akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Bakat (L) untuk mengupas isu – isu BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA. Kehadiran ahli BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA pada tahun ini seramai 62 orang termasuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli – ahli BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA.

Beberapa agenda telah dibincangkan sepanjang mesyuarat ini berlangsung. Mesyuarat yang bermula pada jam 1430H ini tamat pada jam 1700H. Antara agenda yang telah dilaksanakan adalah pembentangan laporan aktiviti tahun 2019, perlantikkan AJK BAKAT (L) 2020 , perancangan aktiviti BAKAT (L) KD SRI SEMPORNA 2020 dan sesi soal jawab. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan ringan.

Sumber : Pejabat Perhubungan Raya – KD SRI SEMPORNA

Artikel : LK I PRL Siti Fairus binti Abdul Rahman

Foto : LK II PRL Muhamad Zharif Bin Zainuddin

MESYUARAT KAJIAN PEMBANGUNAN LALUAN KERJAYA BAGI SUBJECT MATTER EXPERTS (SME) CAWANGAN KEJURUTERAAN



Barisan ahli Mesyuarat Kajian Pembangunan Laluan Kerjaya Cawangan Kejuruteraan

MELAKA, 14 Ogos - Mesyuarat Kajian Pembangunan Laluan Kerjaya bagi Subject Matter Experts (SME) Cawangan Kejuruteraan telah dilaksanakan pada 11 hingga 14 Ogos 2020 di Bayview Hotel, Melaka. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Panglima Logistik Barat merangkap Pengarah Kanan Kejuruteraan.

Objektif mesyuarat yang diadakan ini adalah:

- a) Menyenaraikan jumlah SME yang diperlukan.
- b) Membincangkan jumlah SME yang diperlukan perkhidmatan.
- c) Merangka laluan kerjaya yang perlu dilalui SME.
- d) Merancang kursus yang perlu dilalui untuk menghasilkan seorang SME.
- e) Menetapkan tahap-tahap SME yang diperlukan perkhidmatan.
- f) Menambahbaik SME sedia ada.

Kesemua ahli mesyuarat yang terlibat adalah dipilih berdasarkan kepakaran dan kelayakan semasa yang dimiliki. Melalui mesyuarat ini, pembangunan SME di Bahagian Kejuruteraan dilaksanakan dengan lebih komprehensif kerana menerima collective output daripada peserta.

Hasil mesyuarat ini akan digunakan sebagai penambahbaikan berterusan (kaizen) seterusnya memperkasakan pengurusan sumber manusia di Bahagian Kejuruteraan.

Sumber : Bahagian Pembangunan Sumber JUTRA
Artikel : PS 1 PSIP

MESYUARAT PEGAWAI KANAN KEJURUTERAAN - CABARAN DAN PENCAPAIAN



MesPek yang dilangsungkan secara fizikal dan maya

KUALA LUMPUR, 14 Okt – Mesyuarat Pegawai Kanan Kejuruteraan Siri 2/20 telah dilaksanakan secara hybrid hari ini, iaitu secara fizikal dan maya. Pendekatan ini membolehkan lebih banyak penyertaan pegawai kanan di luar Kuala Lumpur, malah mereka yang berada di luar negara turut menyertai mesyuarat yang diadakan dua kali setahun tersebut.

Antara pengisian mesyuarat termasuk penekanan terhadap pelaksanaan sekurang-kurangnya 27 inisiatif berimpak tinggi baharu oleh Cawangan Kejuruteraan, di mana sebahagiannya telah meningkatkan tahap kesiagaan operasi Armada TLDM. Beberapa inisiatif yang diketengahkan telah didaftarkan untuk projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Kementerian Pertahanan. Terdapat juga inisiatif luar jangka yang telah menjimatkan perbelanjaan Kerajaan dengan ketara.

Ahli mesyuarat turut membincangkan beberapa cabaran yang dijangka dihadapi di masa hadapan serta mengkaji strategi dan pelan tindak yang telah dirangka.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah

Foto : PW II TLR Muhamad Razid bin Rosman

MPA BARAT RAIKAN KENAIKAN PANGKAT 11 WARGA TLDM

Kenaikan pangkat menyuntik motivasi buat warga Navy People

LUMUT, 12 Ogos – Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) serta Sijil Bintang, Laskar dan Staf Awam Kreatif dan berkualiti Suku Tahun Kedua 2020 MPA Barat telah berlangsung di Serambi Markas MPA Barat.

Majlis yang serba ringkas dengan kehadiran minima warga MPA Barat bersesuaian dengan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang ditetapkan.

Upacara pemakaian pangkat ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Laksamana Pertama Yusne bin Mokhtar, Timbalan Panglima Armada Barat. Seramai 11 anggota lain-lain pangkat (LLP) telah dinaikkan pangkat yang melibatkan seorang Pegawai Waren II yang telah dinaikkan ke pangkat Pegawai Waren I, empat orang Bintara Kanan dinaikkan ke pangkat Pegawai Waren II, tiga orang dinaikkan ke pangkat Bintara Kanan, dua orang dinaikkan ke pangkat Bintara Muda dan seorang telah dinaikkan ke pangkat Laskar Kanan

Dalam majlis yang sama, Timbalan Panglima Armada Barat turut menyampaikan sijil APC kepada dua orang pegawai dan tiga belas anggota Lain-lain pangkat (LLP). Timbalan Panglima Armada Barat juga telah menyampaikan Sijil Bintang, Laskar dan Staf Awam Kreatif dan Kualiti bagi Suku Tahun Kedua 2020 kepada;

P/PW II PNK Hamadee bin Haris

MPA BARAT RAIKAN KENAIKAN PANGKAT 25 WARGA TLDM

Kenaikan pangkat menyuntik motivasi buat warga Navy People

LUMUT, 13 Apr – Penuh ringkas namun penuh bermakna. Inilah gambaran suasana majlis pemakaian pangkat warga Navy People yang telah berlangsung dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 di Markas Pemerintahan Armada Barat. Majlis yang hanya dihadiri oleh segelintir warga ini adalah seiring dengan prosedur keselamatan yang telah digariskan. Pihak penganjur juga telah mengambil langkah pencegahan dan keselamatan dengan mempraktikkan kedudukan jarak sosial antara seorang individu ke individu lain selain turut mewajibkan setiap individu untuk memakai topeng muka sebilang masa kecuali ketika pemakaian pangkat dilaksanakan.

Upacara pemakaian pangkat ini telah dilaksanakan bagi meraikan kenaikan pangkat bagi lima orang Pegawai TLDM dan 20 anggota lain-lain pangkat (LLP).

Antara yang menerima kenaikan pangkat hari ini adalah:

Kept TLDM kepada Pemangku Laksamana Pertama

1. Kapten Hj Satria Sarawak bin Hj Jais TLDM – Pegawai Memerintah Depot Bekalan Armada Barat.

Komander TLDM kepada Kepten TLDM

1. Kdr Hj Shaiful Fadzli bin Ismail TLDM – Pegawai Memerintah KD KEDAH.
2. Kdr Mohd Nazree bin Hj Mohd Noor TLDM – AKS Logistik MPA Barat
3. Kdr Ir. Razali bin Mohd Arsad TLDM - Pegawai Memerintah Depot Senggaraan Armada Barat.

Lt Dya TLDM kepada Lt TLDM

1. Lt Dya Nur Asikin binti Johari TLDM – MPA Barat.

Seterusnya, Panglima Armada Barat turut menyempurnakan pemakaian pangkat bagi 4 orang Pemangku Pegawai Waran II, 4 orang Pemangku Bintara Kanan dan 12 orang Pemangku Bintara Muda.

Dalam ucapan beliau, Panglima Armada Barat telah menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada kesemua warga yang dinaikkan pangkat dan berharap dengan kenaikan pangkat tersebut dapat dijadikan pemangkin semangat untuk terus cemerlang. Di samping itu, beliau juga mengingatkan warga supaya sentiasa tabah dan sabar dalam tempoh PKP ini selain turut menitikberatkan penjagaan kesihatan diri dan keluarga.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPAB

Artikel : P/BM TNL Norazi bin Ismail

Foto : LK PAP An Nur Ehsan @ Zahir bin Almonsani

OP ROTAN - MENGIRINGI PFLNG DUA



Tenang. Pemandangan PFLNG DUA dari KD LEKIU

LUMUT, 30 Jan - OP ROTAN merupakan operasi yang telah ditugaskan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM) khasnya bagi mengiringi struktur mega PETRONAS Floating Liquefied Natural Gas (PFLNG) DUA milik Syarikat Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). Operasi ini telah diaktifkan bermula 15 Feb hingga 3 Mac 20 dan berkonsepkan Op Iring yang melibatkan aset TLDM iaitu KD LEKIU, pesawat Super Lynx dan Pasukan Khas Laut (PASKAL) bagi mengiringi PFLNG DUA dari Samsung Heavy Industry (SHI), Geoje, Korea Selatan ke Medan Rotan yang terletak 120 batu nautika Timur Laut Labuan.

PFLNG DUA merupakan struktur mega kemudahan gas asli cecair terapung PETRONAS yang telah siap dibina di Samsung Heavy Industry (SHI), Geoje, Korea Selatan dan juga telah memulakan pelayaran pertama pulang ke tanah air bermula 18 Feb hingga 3 Mac 20 yang diiringi oleh KD LEKIU selama 15 hari. PFLNG DUA juga disokong oleh 3 buah kapal tunda berbendera Singapura sepanjang pelayaran tersebut.

Dengan penugasan sejauh 6100 Batu Nautika selama 31 hari, Penglibatan TLDM secara amnya adalah memberi perlindungan keselamatan kepada struktur PFLNG DUA bagi memastikan ia selamat tiba di Medan Rotan, Sabah. Ianya telah

diputuskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengambil kira kepentingannya kepada ekonomi negara dan juga risiko dari ancaman luar berikutan nilai aset yang tinggi.

Antara persediaan bagi misi OP ROTAN adalah pelaksanaan Force Protection Measure (FPM), PASKAL Insertion Training, Medical Evacuation (MEDEVAC) dan perbincangan Table Top Exercise (TTX) antara TLDM bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN), Delegasi Petronas dan juga Tim Projek PFLNG DUA bagi memastikan segala aspek keselamatan telah diambil kira beserta konsep pelaksanaan OP ROTAN sepanjang penugasan aset TLDM. KD LEKIU telah berlepas dari Tambatan Pangkalan Lumut (TPL) pada 30 Jan 20 dan tiba di Geoje, Korea Selatan pada 12 Feb 20 sebelum memulakan pelayaran mengiringi PFLNG DUA pada 18 Feb 20.

Selain itu, KD LEKIU juga berkesempatan untuk berinteraksi bersama TYT Dato' Mohd Ashri selaku Duta Malaysia di Korea Selatan, pihak pengurusan tertinggi PETRONAS dan delegasi Republic of Korean Navy (ROKN) semasa Majlis Resepsi di Geladak Penerbangan KD LEKIU. Ia secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Korea Selatan. Majlis telah disempurnakan dengan ucapan penghargaan oleh Kept Shaiful Nizam bin Abdul Manan TLDM selaku Pegawai Memerintah KD LEKIU.

Dengan pelayaran selama 15 hari, OP ROTAN telah ditamatkan setiba struktur PFLNG DUA di Medan Rotan, Sabah pada 3 Mac 20. Operasi ini merupakan antara pencapaian TLDM dan ia secara tidak langsung membuktikan bahawa TLDM sentiasa komited dengan misinya iaitu "Melindungi Kedaulatan dan Kepentingan Negara".

Sumber : Perhubungan Strategik Markas Armada Barat

Artikel : Lt Dya Az-Zahrawi bin Ismail @ Yusri TLDM

Foto : KD LEKIU

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA SEMPURNAKAN MAJLIS PENUTUP KKN 2020 DAN SERAH TERIMA TUGAS PRESIDEN PUSPAHANAS



Mantap. Barisan Ahli Lembaga Gabenor Maktab Ketahanan Nasional

PUTRAJAYA, 30 Sep - Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM mewakili Menteri Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Penutup Kursus Ketahanan Nasional 2020 dan Serah Terima Tugas Presiden PUSPAHANAS bertempat di Auditorium Utama PUSPAHANAS.

Kursus yang bermula dari 3 sep 2019 ini merupakan siri pertama yang diadakan sejak penubuhan Maktab Ketahanan Nasional pada 31 Julai 2019 yang dihadiri oleh Pegawai Kanan ATM berpangkat Brigadier Jeneral dan Kolonel atau setaraf.

Seramai 12 Pegawai Kanan Tentera Darat Malaysia serta 4 orang Pegawai Kanan dari Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia telah menghadiri kursus selama 52 minggu itu.

Pada masa yang sama, Panglima Angkatan Tentera turut melancarkan buku bertajuk 'Nation Call', naskah ilmiah yang telah dihasilkan oleh peserta kursus bersama Brig Jen Dato' Dr Mohd Radzi bin Abdul Hamid.

Turut berlangsung pada pagi ini ialah Majlis Serah Terima Tugas Presiden PUSPAHANAS antara Laksdya Dato' Ganesh Navaratnam dengan Leftenan Jeneral Dato' Hj Md Yusof bin Aziz.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany antara yang hadir bersama ahli Lembaga Gabenor MKN yang terdiri dari Panglima-Panglima Perkhidmatan serta para jemputan domestik dan perwakilan asing.

Sumber : BHEA-J7, Markas Angkatan Tentera Malaysia

Artikel : LK PRL Mohd Faisa bin Mamat

Foto : LK TNL Mohammad Idris bin Suradi

PANGLIMA TENTERA LAUT SEMPURNAKAN PEMAKAIAN PANGKAT NAVY PEOPLE



Tahniah. Semoga prestasi kekal cemerlang

KUALA LUMPUR, 14 Apr - Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany hari ini meraikan kenaikan pangkat Navy People dalam satu majlis yang sederhana tetapi penuh bermakna. Majlis pemakaian pangkat melibatkan 24 orang pegawai TLDM, termasuk dua orang pegawai kanan yang dinaikkan pangkat ke Laksamana Pertama.

Panglima Tentera Laut turut menyempurnakan pemakaian pangkat bagi 2 pegawai PSSTLDM yang dinaikkan pangkat ke Leftenan Madya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang dinaikkan pangkat dan berharap dengan kenaikan pangkat tersebut menjadi pemangkin semangat untuk terus cemerlang.

Sumber : Cawangan Komunikasi Strategik Markas Tentera Laut

PEGAWAI KANAN TLDM MENGHARUMKAN NAMA MALAYSIA

Kdr Ir. Dr Arman Ariffin TLDM di Konvensi Antarabangsa Smart Ship Technology, London pada tahun 2016

Kdr Ir. Dr Arman Ariffin TLDM adalah seorang Pegawai Kejuruteraan TLDM yang pertama dianugerah Sarjana Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang kejuruteraan. Beliau memperoleh PhD secara kajian (by research) dari École Nationale Supérieure de Techniques Avancées (ENSTA) Bretagne, Université de Bretagne Occidentale, Perancis pada tahun 2017, pengkhususan dalam Mechanics, Fluid Mechanics and Energy. Lebih membanggakan, beliau telah berjaya menamatkan pengajian PhD dalam tempoh 3 tahun sahaja.

Perkongsian ilmu Kdr Ir. Dr Arman dengan pakar kejuruteraan seluruh dunia telah mengharumkan nama TLDM dan Malaysia. Beliau telah menghasilkan dan membentangkan beberapa kertas kerja kejuruteraan di konvensi antarabangsa di merata dunia termasuk Perancis, United Kingdom, Jerman, Belanda, Sweden, Portugal dan Jepun sejak tahun 2014. Kepakaran beliau yang bernilai tinggi menyaksikan Kdr Ir. Dr Arman dilantik sebagai Ahli Tetap kepada International Maritime Organisation (IMO) yang beribu pejabat di London bagi Sub-committee Ship Design and Construction (SDC).

Selain sumbangan kepada komuniti jurutera profesional antarabangsa, Kdr Ir. Dr Arman juga merupakan ahli Special Action Committee (SAC) TLDM untuk mengkaji

dan menyelesaikan beberapa permasalahan kejuruteraan kapal TLDM, dimana sebahagian isu tersebut telah berjaya diselesaikan.

Di luar kerjaya sebagai pegawai TLDM, Kdr Ir. Dr Arman turut aktif dalam sukan lasak triathlon. Beliau merupakan seorang daripada segelintir rakyat Malaysia yang lulus pra-kelayakan (pre-qualification) pertandingan Ironman Distance Triathlon (3.8km Swim, 180km Bike and 42km Marathon) pada tahun 2005 di Langkawi, iaitu salah satu race course yang paling mencabar di dunia. Beliau menduduki tempat kedua (first runner-up) dalam tempoh masa yang ditetapkan dan telah diberi satu slot untuk menyertai World IRONMAN Championship Race di Kona, Hawaii pada tahun tersebut yang turut disertai atlet triathlon profesional seluruh dunia. Namun begitu, beliau tidak dapat menyertai pertandingan tersebut atas sebab yang tidak dapat dielakkan.

Pencapaian, sumbangan dan keberhasilan Kdr Ir. Dr Arman ini amat membanggakan TLDM, selain telah mengharumkan nama Malaysia. Ianya boleh dijadikan contoh serta inspirasi kepada warga Navy People.

Sumber : Markas Tentera Laut Bahagian Kejuruteraan
Artikel : Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

PEGAWAI MUDA TLDM MENCIPTA SEJARAH - SATU MOTIVASI KEPADA THE NAVY PEOPLE



Lt Chan bersama Pegawai dan Anggota TLDM di IRONMAN Langkawi 2019

Pegawai muda Lt Chan Jun Shen TLDM telah mencipta 2 sejarah yang membanggakan TLDM. Beliau merupakan pegawai pertama di dalam perkhidmatan yang menghasilkan sendiri produk sukan yang mempunyai nilai komersial di dalam pasaran. Selain itu bagi rekod di Malaysia, Pegawai adalah rakyat Malaysia termuda yang berjaya menamatkan pertandingan IRONMAN.

Pegawai adalah Certified Air Engineering Officer (AEO) yang kini sedang melanjutkan pengajian peringkat Sarjana Separuh Masa secara kajian (by research) mengenai Rain Resistant Chain Lubricant. Pengajian pegawai dijangka selesai pada tahun 2021. Keberhasilan yang membanggakan TLDM ialah pegawai telah berjaya menghasilkan sendiri formula minyak pelincir rantai untuk kegunaan basikal seperti Road Bike, Time Trial (TT) Bike dan sebagainya dengan jenama komersialnya sendiri. Prestasi pelincir rantai ini telah melalui pembuktian ujian makmal, dimana pelincir tersebut telah digunakan oleh sebilangan atlet profesional serta amatir semasa pertandingan peringkat tempatan mahu pun antarabangsa.

Selain kecemerlangan dalam kerjaya, Pegawai juga aktif dalam sukan lasak, dimana pegawai adalah rakyat Malaysia termuda yang berjaya menamatkan Ironman Distance Triathlon (3.8km Swim, 180km Bike and 42km Marathon) pada umur 18 tahun 1 bulan 24 hari untuk mendapat gelaran IRONMAN. Rekod ini masih kekal sehingga ke hari ini. Sehingga kini, pegawai telah berjaya menamatkan 9 perlumbaan IRONMAN.

Pencapaian Lt Chan Jun Shen ini amat membanggakan TLDM dan boleh dijadikan contoh serta inspirasi kepada warga Navy People. Semoga warga the Navy People menjadi warga yang berkualiti, produktif serta mempunyai nilai modal insan yang baik dalam segala aspek.

Sumber : Markas Tentera Laut Bahagian Kejuruteraan

Artikel : Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah

PEGAWAI WAKIL TENTERA LAUT KUCHING LAKSANA KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS KETUA JABATAN AGENSI KESELAMATAN DAN PERSEKUTUAN



Kunjungan hormat dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tanjung Bako

KUCHING, 12 Nov – Pegawai Wakil Tentera Laut (PWTL) Kuching yang baharu, Leftenan Mohd Ismail Bin Yakub TLDM telah mengambil alih tampuk pemerintahan PWTL Kuching pada 9 Okt 20 yang lalu. Sehubungan itu, beliau telah melaksanakan beberapa siri kunjungan hormat ke atas Ketua Jabatan beberapa agensi keselamatan dan persekutuan di sekitar Kuching, Sarawak.

Antara kunjungan hormat yang telah dilaksanakan adalah :

1. Kunjungan hormat ke atas Komander Pasukan Polis Marin Wilayah Lima Sarawak, ACP Shamsol bin Kassim pada 14 Okt 20.
2. Kunjungan hormat ke atas Pengarah Kementerian Pertahanan Cawangan Sarawak, Puan Norisal binti Saili pada 19 Okt 20.
3. Kunjungan hormat ke atas Pengarah Jabatan Laut Wilayah Sarawak, Tuan Mohamad Marzuki bin Brahim pada 26 Okt 20.
4. Kunjungan hormat ke atas Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Negeri Sarawak, Laksamana Pertama Maritim Zin Azman bin Md Yunus pada 9 Nov 20.
5. Kunjungan hormat daripada Pengurus Pelabuhan Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM) Tanjung Bako, Encik Bobby Dallen ak Indoi pada 10 Nov 20.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk memaklumkan tugas dan peranan PWTL Kuching di Sarawak di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara PWTL Kuching dengan agensi keselamatan dan kerajaan persekutuan yang lain. Antara isu yang dibincangkan adalah mengenai situasi semasa Op Benteng, pencerobohan nelayan asing di perairan Sarawak dan lain-lain isu semasa.


Dengan adanya kunjungan hormat seperti ini ia dapat memberi kerjasama antara agensi serta bertukar pandangan di samping berkongsi maklumat untuk menjaga keselamatan dan pertahanan di Negeri Sarawak khususnya.

Sumber : PR PWTL KUCHING

Artikel : BK TLR Mohd Samsul Ridzuan bin Omon

Foto : LK I TLS Muhamad Nurzharif bin Mat Saad

PELAKSANAAN CONDITION BASED MONITORING AND ASSESSMENT DI DALAM TLDM



Pelaksanaan Condition Based Monitoring and Assessment (CBMA) di dalam TLDM bukan perkara yang baharu, malah pendekatan ini telah bermula sejak tahun 1997 di KD JEBAT menggunakan kaedah Condition Based Monitoring (CBM).

Namun, kelangsungan CBM tidak dapat diteruskan kerana metodologinya yang diadaptasi secara terus daripada industri lebih bersifat lab result dan data analysis. Berdasarkan kelemahan yang dikenal pasti, TLDM kini melaksanakan CBMA, di mana penilaian (assessment) diperlukan untuk mengetahui sebab (root cause) sesuatu anomali hasil kajian makmal.

Pelaksanaan CBMA adalah kesinambungan terhadap pendekatan CBM sebelum ini. Inisiatif ini penting bagi memastikan pelaksanaan strategi selenggaraan yang berkesan dan efektif dapat dicapai, berbanding pematuhan kepada Planned Maintenance (PM) dan Corrective Maintenance (CM) secara konvensional semata-mata.

Tim CBMA telah ditubuhkan di Cawangan Penguasa Kejuruteraan Armada (CPKA), selaras dengan inisiatif menjadikan CPKA sebagai Centre of Excellent for Naval Engineering (CoENE). Pelbagai peralatan yang sedia ada dalam perkhidmatan telah dikumpul dan dioptimumkan penggunaannya bagi menjayakan inisiatif tersebut.

Semenjak diwujudkan pada awal tahun 2019, tim CBMA telah berjaya mengesan tanda-tanda awal kerosakan sebelum ianya berlaku. Selain itu, CBMA telah berjaya membangunkan pangkalan data pengoperasian peralatan kapal untuk menjadi rujukan masa hadapan.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Kdr Ir. Ts. Ng Keng Lip TLDM

PEMASANGAN CONCERTINA WIRE DI TAMAN TELIPOK RIA, TUARAN



Proses pemasangan Concertina Wire di sekitar Taman Telipok Ria

TUARAN, 27 Nov – Sidang Media Perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 25 Nov 20 oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Keselamatan telah mengisytiharaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) ke atas Taman Telipok Ria, Tuaran bermula 27 Nov sehingga 10 Dis 20.

Tim Penugasan Op PENAWAR Pangkalan TLDM Kota Kinabalu yang ditugaskan di Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Tuaran dan dibantu anggota dari pasukan Tentera Darat telah melaksanakan pemasangan Concertina Wire di lokality PKPD Taman Telipok Ria, Tuaran melibatkan keluasan 28.3 hektar membabitkan 30 rumah pangsapuri dengan bancian penduduk kira-kira 18,000 orang. Sebanyak 220 gelung Concertina Wire telah digunakan bagi pemasangan perimeter Taman Telipok Ria, Tuaran.

Sebanyak 5 Pos Kawalan akan ditempatkan di perimeter Taman Telipok Ria, Tuaran sepanjang tempoh penguatkuasaan PKPD. PDRM di bantu TLDM akan melaksanakan pemantauan ke atas pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) PKPD yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Sumber : PPU TLDM Kota Kinabalu

Artikel : Lt Muhammad Hafiz bin Ramlan TLDM

Foto : Lt Muhammad Hafiz bin Ramlan TLDM

PEMATUHAN 3K (KESIHATAN, KESEGAKAN DAN KECERGASAN) – AKTIVITI UJI CERGAS TAHUNAN MKTL



Ke arah Navy People yang cergas, segar dan sihat

KUALA LUMPUR, 8 Okt - Warga Markas Tentera Laut pada bulan Oktober ini mengambil bahagian dalam Uji Cergas tahunan, yang turut melibatkan pengurusan tertinggi TLDM.

Pagi ini, 80 pegawai dan anggota telah terlibat dengan ujian renang di kolam renang Kem KEMANTAH yang diketuai oleh Laksamana Muda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung bin Abdullah, Ketua Jurutera TLDM.

Penularan wabak COVID-19 menyaksikan penerapan norma baharu dalam proses kerja harian TLDM, termasuk dalam aspek kesihatan dan kecergasan. Setiap peserta ujian renang menjalani SOP kesihatan seperti pemeriksaan suhu badan dan pendaftaran menggunakan aplikasi MYSejahtera sebelum memasuki kompleks kolam renang.

Penglibatan ramai Pengurusan Tertinggi TLDM di dalam ujian tahunan ini adalah penegasan bahawa pihak TLDM adalah serius untuk memastikan warganya dalam keadaan 3K – Kecergasan, Kesegakan dan Kesihatan – bagi kecemerlangan perkhidmatan.

Sumber : Bahagian Pentadbiran, Markas Tentera Laut

Artikel : Lt Kdr Abu Amar bin Darus TLDM

Foto : Lt Kdr Mohd Shahril bin Abdul Ghani TLDM

PENGAMBILAN TEKNISYEN TLDM DAHULU BERBANDING SEKARANG SERTA CABARAN



Teknisyen Skim DTK Siri 221 melapor diri di KD SULTAN ISMAIL

TANJUNG PENGEЛИH, 24 Sep - Hari ini berlangsung pengambilan dan ucapan Selamat Datang kepada 108 Teknisyen TLDM Skim Diploma Tugas Khusus (DTK) bagi Pengambilan Perajurit Muda Siri 221. Inisiatif ini adalah usaha TLDM sejak tahun 2019 untuk mengambil Teknisyen yang berkelulusan Diploma Kejuruteraan.

Pihak TLDM mendapati Skim DTK adalah pendekatan terbaik buat masa ini bagi mendapatkan Teknisyen yang kompeten, berbanding pendekatan sebelum ini iaitu membangunkan Teknisyen melalui beberapa skim khusus. Selain itu, Skim DTK ini terdapat ruang dan peluang untuk calon graduan Diploma Kejuruteraan untuk terus maju dalam karier. Diantara ruang dan peluang yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

Certified Technician(Tc.). Pihak TLDM akan menguruskan proses sewajarnya agar Teknisyen yang layak dan memenuhi syarat sebagai Tc. oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

Jurutera Profesional (Ir.). Teknisyen yang memenuhi syarat dan berkelayakan boleh berpeluang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda (First Degree) atas tajaan TLDM. Jika lulus, layak dan memenuhi syarat, anggota bakal menjadi seorang Jurutera Profesional (Ir.) yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Warga Navy People mengucapkan Selamat Berkhidmat kepada Teknisyen Pengambilan Siri 221 dengan pesanan – Sedia Berkorban.

Sumber : Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Laut

Artikel : Laksda Datuk Ir. Mohd Shaiful Adli Chung

PENGHANTARAN KUMPULAN PERTAMA MALBATT 850-8 KE LUBNAN



Timbalan Menteri Pertahanan menyerahkan Jalur Gemilang kepada Komander MALBATT 850-8

SUBANG, 1 Okt - Majlis Pemakaian Beret PBB, Penyerahan Bendera Malaysia dan Penghantaran Kumpulan Pertama Malaysian Battalion (MALBATT) 850-8 telah disempurnakan Timbalan Menteri Pertahanan, YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz di Pangkalan Udara Subang hari ini.

Warga MALBATT 850-8 akan menggantikan MALBATT 850-7 yang akan menamatkan misi United Nations Interim Force In Lebanon (UNIFIL) setelah berkhidmat selama 12 bulan.

Kontinjen MALBATT 850-8 melibatkan seramai 80 pegawai dan 770 anggota lain-lain pangkat, termasuk 3 pegawai dan 27 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta seorang pegawai awam Kementerian Pertahanan dan akan diaturgerakkan secara berperingkat.

Penghantaran kumpulan pertama hari ini melibatkan seramai 215 orang dan diketuai oleh Komander MALBATT 850-8, Kol Azudin bin Hassan. Buat pertama kalinya, majlis penghantaran Kontinjen MALBATT tidak dihadiri oleh ahli keluarga bagi mematuhi SOP kesihatan yang telah ditetapkan.

Dato' Sri Ikmal telah memakaikan beret Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Kol Azudin, wakil ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), wakil ABDB, wakil anggota wanita dan anggota ATM.

Penglibatan ATM dalam misi UNIFIL bermula sejak tahun 2007 bagi membantu menguatkuasakan Resolusi 1701 Majlis Keselamatan PBB. Timbalan Menteri Pertahanan turut menyerahkan Jalur Gemilang kepada Kol Azudin sebagai simbolik mewakili negara dalam misi pasukan pengaman tersebut.

Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM, Panglima ketiga-tiga perkhidmatan termasuk Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany antara pucuk pimpinan ATM dan Kementerian yang hadir.

Sumber : Markas Angkatan Bersama

Artikel : Lt Norzuhaira binti Ruhanie PSSTLDM

Foto : LK TNL Mohamad Idris bin Surad

PENGHORMATAN TERAKHIR BUAT ALLAHYARHAM KDR MOHAMAD NIZAM



Solat Jenazah dilaksanakan di Terminal 2, Lapangan Terbang Kota Kinabalu sebagai penghormatan terakhir buat Allahyarham

KOTA KINABALU, 5 Nov – Hujan lebat mengiringi keberangkatan pulang jenazah Allahyarham Kdr Mohamad Nizam bin Mohamad Said TLDM yang telah disahkan meninggal dunia pada 2 November yang lalu. Allahyarham yang mesra dengan nama panggilan 'Bear' dalam kalangan keluarga Penerbangan TLDM merupakan Pegawai Memerintah Unit Skuadron 601 yang berpangkalan di Kota Kinabalu telah meninggalkan seorang balu bersama empat orang anak.

Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Dato Pahlawan Syed Zahrul Putra bin Syed Abdullah bersama Pegawai-pegawai Kanan TLDM yang berkhidmat di Kota Kinabalu turut melaksanakan penghormatan terakhir kepada Allahyarham dengan melaksanakan Solat Jenazah dan Bacaan Yasin bersama sebelum jenazah dibawa pulang ke kampung halaman beliau di Melaka dengan menaiki pesawat Airbus A400M milik Tentera Udara Diraja Malaysia.

Sebelum berangkat, Panglima Armada Timur dan isteri, Datin Maria binti Hj Kamarulzaman berkesempatan bertanya khabar balu dan anak-anaknya sebelum menyerahkan sedikit sumbangan bagi meringankan beban yang dipikul. Kepulangan jenazah di Melaka telah disambut oleh warga Navy People di Semenanjung dan

Allahyarham telah selamat dikebumikan dengan penuh hormat dalam tradisi tentera laut.

Timbalan Panglima Tentera Laut mewakili barisan kepimpinan tertinggi TLDM turut menyaksikan upacara pengebumian dan menyerahkan Jalur Gemilang kepada balu simbolik penghargaan dan simpati daripada seluruh warga Navy People yang merasakan kehilangan sebutir lagi Permata TLDM.

Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama golongan orang yang beriman manakala keluarga yang ditinggalkan tabah serta berada dalam perlindungan Allah SWT.

Sumber : Pejabat Komunikasi Strategik MPA Timur

PENGGISAHAN SEJARAH KD SRI PERAK



Imbau kembali. Sesi pengkisahan sejarah KD SRI PERAK

KUALA LUMPUR, 7 Sep - Majlis Pengkisahan Sejarah KD SRI PERAK anjuran PUSMAS TLDM telah berlangsung di Wisma Perwira ATM. Objektif utama program yang turut melibatkan kerjasama teknikal dari Arkib Negara Malaysia (ANM) adalah untuk mendokumenkan episod-episod penting dan bersejarah bagi TLDM.

Ahli panel terdiri daripada bekas kru dan pelatih KD SRI PERAK semasa kejadian iaitu; Laksdya Dato' Abdul Rahman bin Hj Ayob Timbalan Panglima Tentera Laut; Laksma Maritim Zainin bin Abdul Majid (Bersara); Laksma Sazalee bin Shoib, Panglima Udara; Laksma Maritim Robert Teh Geok Chuan, Pengarah APMM Sarawak; Kepten Ahmad Lahmi bin Abdullah TLDM, Pengarah Pengurusan Kontrak Bahagian Materiel dan Encik Ismail bin Abdul Aziz. Turut hadir ialah Ketua Seksyen Penerbitan dan Dokumentasi ANM, Encik Hj Nasir bin Hj Ismail sebagai penasihat bersama dengan tim teknikal dari ANM.

Moderator program, Kdr Sugenderan a/l Nagalan TLDM, berperanan sebagai pendorong ahli panel untuk kembali ke tahun 1984, mengimbau detik-detik penting dalam insiden KD SRI PERAK. Bermula dengan persediaan sebelum pelayaran dari Lumut, persinggahan ulangbekal di Malaysian Base Jetty, Woodlands Singapura dan pelayaran merempuh laut bergelora menuju ke Labuan sehinggalah peristiwa kapal karam berhampiran Pulau Midai di Laut China Selatan.

Para ahli panel turut berkongsi pengalaman mereka berlindung (survival) selama 72 jam di atas rakit keselamatan yang hanyut di tengah lautan, hampir-hampir putus harapan untuk diselamatkan. Justeru, tidaklah menghairankan apabila sukar untuk mereka menggambarkan perasaan masing-masing tatkala melihat pesawat P-3C

Orion, milik Tentera Udara Diraja Australia terbang rendah menghampiri rakit dan melepaskan isyarat lampu suar.

Program pengkisahan ini akan diteruskan lagi bagi mendapatkan gambaran menyeluruh dari pelbagai sudut. Kisah ini juga akan diolah ke dalam bentuk yang sesuai untuk dihayati oleh warga navy people serta masyarakat.

Artikel : Lt Dya Nurhidayah binti Mazlan PSSTLDM

Kelulusan : Bahagian Komunikasi Strategik MkTL

Foto : LK PNK Mohamad Fairuz bin Mohamad Azma

PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG RAYUAN HARI PAHLAWAN

PANGWILLA 1 merasmikan sumbangan Tabung Rayuan Hari Pahlawan

KUANTAN, 26 Nov - Simbolik Penyerahan Sumbangan Tabung Rayuan Hari Pahlawan telah disempurnakan oleh Panglima Wilayah Laut 1 (PANGWILLA 1), YBhg Laksamana Muda Mohd Hatim bin Saad. Majlis telah berlangsung di Auditorium Al-Haimi, Pangkalan TLDM Tg Gelang dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Veteran Negeri Pahang yang bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menghargai pengorbanan para perajurit dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara selama ini.

Kempen ini juga bertujuan menggalakkan orang ramai memberi sumbangan ikhlas bagi meringankan beban Veteran ATM yang telah berkorban untuk negara. Hasil kutipan tabung akan digunakan untuk membantu Veteran ATM yang kurang upaya, balu veteran OKU, kos perubatan, bantuan peralatan perubatan, bantuan bencana alam dan bantuan-bantuan kebajikan yang lain.

PANGWILLA 1 turut menyerahkan cek Tabung Zakat ATM kepada warga MAWILLA 1. Penerima cek bagi Kategori Asnaf (kesihatan isteri) iaitu LK PAP Anuar bin Ahmad dari unit PROTELA Kuantan manakala LK I KOM Mohd Ashryl bin Abdullah pula menerima cek bagi Kategori Saudara Baharu.

Antara yang hadir ke majlis ini ialah Ketua Staf, Kept Mahadzir bin Mokhrar TLDM, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Negeri Pahang, Mejar Khairul Ashinar bin Azid @Aziz, Yang Dipertua Pengerusi Veteran TLDM Negeri Pahang, Tuan Haji Awai bin Mohammad serta ahli-ahli veteran TLDM.

Sumber : Komunikasi Strategik MAWILLA 1
Artikel : PW II TNL Ahmad Hafiz bin Yahya
Foto : LK PAP Saiful bin Ahmad Nasir